PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

1 – 15 Mac 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

*Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia 2012 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.*

# Rumah mampu milik Halaman Kenanga bukti kerajaan PR kotai janji

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



**PARA penghuni Halaman Kenanga tersenyum girang selepas menerima kunci kediaman masing-masing pada tempoh tiga bulan lebih awal daripada Ketua Menteri di sini baru-baru ini. *Gambar oleh Law Suun Ting*.**

**BAYAN BARU –** Seramai 657 pembeli Projek Perumahan Sosial Halaman Kenanga di sini bersyukur dan tersenyum girang apabila penantian mereka untuk mendiami kediaman baru termakbul tiga bulan lebih awal dari tempoh dijangkakan.

Projek tersebut dilaksanakan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melalui anak syarikatnya *PDC Properties* sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, terutamanya kepada golongan sasaran berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk memiliki rumah dari pasaran terbuka.

Sebanyak 510 unit kos sederhana rendah, kos rendah (204) dan unit kedai (6) telah dibangunkan di Halaman Kenanga. Malah, pada masa sama, pelbagai ciri tambah nilai (*value added*) turut dimasukkan, termasuk kemasan jubin, 724 tapak parkir berbumbung, rakaman kamera litar tertutup (CCTV), pagar berpalang, taman permainan kanak-kanak (2) serta dewan komuniti (8) untuk membolehkan para penduduk menganjurkan pelbagai acara serta aktiviti kejiranan.

Menurut salah seorang penerima kunci, Hasnah Hassan, 50, penerimaan kunci pada tempoh tiga bulan lebih awal adalah amat melegakan apabila mereka sekeluarga dapat menduduki kediaman tersebut sebelum tarikh dijangkakan.

"Saya gembira dan bersyukur apabila dipermudahkan segalanya. Dengan penyerahan kunci ini, dapatlah kami menduduki rumah ini lebih awal. Tambahan pula, suasana di sini pasti lebih meriah dengan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak PDC.

"Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Sim Tze Tzin (Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak) dan Ketua Menteri atas inisiatif dan usaha mereka mendapatkan rumah mampu milik ini pada tempoh secepat yang mungkin bagi membolehkan kami memulakan kehidupan dalam suasana lebih selesa," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hasnah merupakan salah seorang daripada 12 keluarga terbabit dalam isu perobohan rumah ekoran campur tangan pihak tidak bertanggungjawab di Sungai Nibong Besar di sini yang pernah mendapat liputan Buletin Mutiara tahun lalu.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyem-purnakan majlis penyerahan kunci menyatakan bahawa projek yang dilancarkan pada Julai 2010 di atas tanah berukuran 4.31 ekar itu bukan sahaja berada di lokasi utama (Sungai Dua), malah, turut dikelilingi dengan pelbagai kemudahan penting.

"Pembeli bukan sahaja dapat memiliki rumah dengan harga mampu milik, tetapi, apa yang lebih menguntungkan adalah kedudukan projek perumahan ini yang berdekatan dengan Universiti Sains Malaysia (USM), sekolah, pasar awam, astaka dan pengangkutan awam yang mudah didapati," jelasnya.



**HASNAH Hassan**

Terdahulu, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada 2008 telah meluluskan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,596 unit. Manakala, tahun ini (2012), Pulau Pinang turut muncul sebagai Kerajaan Negeri pertama yang memperuntukkan peruntukan terbanyak iaitu RM500 juta untuk Tabung Rumah Mampu Milik berkualiti di bahagian pulau dan Seberang Perai, Pulau Pinang.

# Himpunan Hijau 2.0 dicemari tindakan ganas "samseng"

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Himpunan Hijau 2.0 yang berlangsung di Dataran Pidato, Padang Kota Lama mencatatkan detik hitam apabila dua wartawan (seorang wartawan dan seorang jurugambar) akhbar harian Bahasa Cina, Kwong Wah Jit Poh cedera dipukul sekumpulan yang berlagak "samseng" di sini, baru-baru ini.

Kira-kira 50 pemberontak tiba sekitar kawasan jam 6 petang mengeluarkan kata-kata kesat dan memberi amaran kepada orang ramai yang berhimpun secara aman bahawa isu *Lynas* itu bukan 'isu Pulau Pinang' sambil melaungkan slogan "Hidup UMNO". Walaubagaimanapun, kira-kira 1,000 umum yang berhimpun tidak mengendahkan ugutan mereka dan tidak sama sekali berganjak dari padang berkenaan. Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang tiba setengah jam kemudian dicaci dan dilemparkan dengan kata-kata kesat berbaur ugutan ketika beliau berucap.




**KETUA Menteri (kanan sekali) dan Chow Kon Yeaw (dua dari kanan) menunjukkan banner yang membantah operasi Lynas dalam Himpunan Hijau 2.0 di Dataran Pidato, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**



**PEMANDU Lydia Ong Kok Fooi menunjukkan kerosakan pada plat nombor pendaftaran kereta rasminya angkara pihak tidak bertanggungjawab yang bertindak ganas di Himpunan Hijau 2.0.**

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa Pakatan Rakyat tidak akan menyokong kilang penapisan nadir bumi bernilai RM700 juta yang dibina di Gebeng, Pahang kerana bahaya pencemaran bahan radioaktif. Malah, beliau turut menggesa rakyat agar tidak gentar dengan gertakan daripada kumpulan samseng berkenaan.

Keadaan menjadi semakin tegang sejurus Ketua Menteri beredar dari pentas bagi menghampiri orang ramai apabila kumpulan tersebut mengasak para hadirin sehingga menyebabkan berlakunya pertengkaran. Difahamkan, pada ketika itu, kedua-dua wartawan yang cedera dipercayai dipukul menggunakan topi keledar pihak tidak bertanggungjawab itu.

Kedua-dua wartawan berkenaan kemudiannya dikejarkan ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk menerima rawatan. Wartawan, Andrew Chew, 29, telah menerima lapan jahitan di lengan, manakala jurugambar, Lee Hong Chun, 25, cedera di kepala akibat dihentak dengan topi keledar.

Himpunan Hijau 2.0 yang berlangsung di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang bagi membantah keputusan kerajaan membenarkan loji pemprosesan nadir bumi milik *Lynas Advanced Material Plant* (Lamp) beroperasi di Gebeng. Perhimpunan tersebut sepatutnya berlangsung secara aman di seluruh negara kecuali di negeri ini.

Menurut Ketua Menteri, beliau kesal dengan tindakan polis yang membiarkan keganasan berlaku sebelum dan selepas acara berlangsung.

"Sepatutnya, tugas polis adalah untuk menjaga keselamatan negara dan mengawal keadaan apabila timbul kekecohan. Walaupun terdapat kereta peronda polis di kawasan tersebut, namun, tiada tindakan diambil terhadap kumpulan pemberontak berkenaan," ujar Ketua Menteri dengan nada kesal ketika ditemui pada sidang medianya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, dipercayai kereta rasmi milik Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi turut dirosakkan oleh kumpulan samseng terbabit.

Dalam sesi sidang media berasingan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku apabila kata-kata kesat dan ugutan dilemparkan kepada Ketua Menteri dan para hadirin yang hadir.

"Dataran Pidato dibina sebagai tempat untuk rakyat menyuarakan hak secara bebas dan aman. Jika kejadian seperti ini terus berulang, ini boleh menjatuhkan reputasi Pulau Pinang dan mengancam keselamatan orang ramai,"

"Kami (Kerajaan Negeri) tidak akan tunduk dengan keganasan yang ditunjukkan. Saya berharap agar pihak polis mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang terlibat menimbulkan kekecohan pada hari tersebut," tegas beliau.

## SINDIR MUTIARA

*Oleh: SAM*



# 42 keluarga rumah dipukul ribut terima bantuan KN

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



MOHD. Dali Abu Bakar

**KEPALA BATAS –** Keluarga Mohd. Dali Abu Bakar, 43, antara 51 rumah dipukul ribut baru-baru ini yang menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika melawat keluarga empat beranak di Kampung Permatang Saga dekat Pinang Tunggal, di sini, berkata, bantuan segera telahpun diberikan kepada semua keluarga mangsa dalam tempoh masa 24 jam.

Tambahnya, pemberian sumbangan penuh akan dilakukan melalui Majlis Keselamatan Negeri selepas selesai proses taksiran kerugian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh terdekat.

"Dari Tabung T.Y.T, maksima yang boleh dituntut adalah sebanyak RM5,000 dan ia bergantung pada (proses) taksiran (kerugian bencana).

"Setakat ini, bantuan segera telahpun disalurkan dalam masa 24 jam dari kejadian," ujarnya pada satu sidang media di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Sidang akhbar itu turut dihadiri, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Pengawai Daerah dan Tanah SPU, Jusni Ismail. Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) turut hadir. Mereka, Rosidi Hussain (Penaga), Asrol Sani Abdul Razak (Bertam), Arshad Md. Salleh (Permatang Berangan) dan Md. Fahmi Abd. Wahab (Sungai Dua).




MOHD. Dali ABU BAKAR (tiga dari kiri) menerima sumbangan awal daripada Ketua Menteri sebelum proses taksiran kerugian dikenalpasti. Turut hadir adalah Jusni Ismail (kanan sekali).

Dalam kejadian baru-baru ini, sebanyak 51 rumah telah dipukul ribut membabitkan kawasan Pinang Tunggal (16 buah rumah), Lahar Tiang (27), Paya Keladi (1) dan Bumbung Lima (7). Ekoran itu, kira-kira 82 laporan polis telah dibuat di Balai Polis Bertam Perdana, Balai Polis Kepala Batas dan Balai Polis Tasek Gelugor.

Dalam reaksi spontan kepada Buletin Mutiara, Mohd. Dali berkata, ribut pada hari kejadian telahpun menerbangkan keseluruhan bumbung rumah beliau sejauh satu kilometer (KM).

"Bumbung semua terbang sejauh satu kilometer sampai ke ladang kelapa sawit di belakang rumah.

"Saya di luar. Dua anak mujur sempat diselamatkan oleh isteri saya," ujarnya sambil menyatakan bahawa beliau sekeluarga sekarang tidak mempunyai tempat berteduh.

"Buat masa ini, memang tak ada rumah. Bumbung dah tak ada, dah tak boleh dipanggil rumah. Saya, isteri dan dua anak sekarang ini tinggal di rumah emak yang berdekatan dengan sini (rumahnya),'' tambah Mohd. Dali.

---

# Mangsa ribut Pinang Tunggal dapat perhatian Mansor

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PINANG TUNGGAL –** Bagi meringankan beban yang menimpa mangsa ribut Pinang Tunggal, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut tampil menyampaikan sumbangan.

Beliau yang melahirkan rasa simpati di atas kejadian menimpa penduduk di kawasan tersebut bagaimanapun berasa bangga dengan kesatuan yang ditunjukkan penduduk setempat ekoran masih mengekalkan budaya tolong-menolong jiran ditimpa bencana.

"Terima kasih kepada jiran-jiran yang menolong saudara kita (yang ditimpa bencana). Inilah kekuatan masyarakat kita yang mesti kita kekalkan," kata beliau pada Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Ribut Pinang Tunggal di Masjid Jamek Al-Hidayah, Kampung Lahar Tiang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pegawai Kebajikan Masyarakat Seberang Perai Utara (SPU), Mohd. Rahim Mohd. Alif, Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU (Pembangunan), Hakmal Effendi Ishak, Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad dan PPK Penaga, Rosidi Hussain.



MANSOR Othman bersalaman dengan salah seorang penerima bantuan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Ribut Pinang Tunggal di Masjid Jamek Al-Hidayah, Kampung Lahar Tiang di sini baru-baru ini.

# RUMAH MAMPU MILIK IDAMAN PALING BERKUALITI DI MALAYSIA

## oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Berjiwa Rakyat




**11,596 unit** rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibina Kerajaan Negeri PR menerusi PDC sejak 2008.







Disiar dan dicetak oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# ‘Jalur Warisan Tanjong Tokong’, UDA digesa hormati KN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TANJONG TOKONG –** Melayu Kampung Tanjong Tokong meminta campur tangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mewartakan kampung mereka sebagai kampung warisan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Tanjong Tokong, Mohd. Salleh Yahaya berkata demikian gara-gara hilang kepercayaan terhadap pemaju Uda Holdings Berhad (UDA) bagi membela kepentingan Melayu di atas tanah tersebut.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Bertindak Warisan dan Pembangunan Semula Tanjong Tokong (Bapak) berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada tahun 1974 dulu mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyerahkan tanah tersebut kepada UDA yang ditubuhkan di bawah kerajaan pusat sendiri dengan syarat usaha mengekalkan penempatan Melayu bandar mesti dilakukan, di sini.


**MAHMUD Yusof.**

“Syarat nyata itu adalah ke arah pengekalan kampung, bukan penghapusan kampung. Apa yang dilakukan oleh UDA kini adalah bertentangan dengan syarat pengekalan kampung sebagaimana amanat Tun Razak.

“Apa yang dilihat, bukan bertambah baik, tetapi lebih teruk selepas pembabitan UDA selama 37 tahun ini,” ujarnya pada satu sidang media, di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sebahagian tanah kampung tersebut diserahkan kepada UDA untuk dimajukan sebagai pembangunan Melayu bandar. Manakala, sebahagian tanah yang lain dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada UDA dengan harga serendah RM1 sekaki persegi.

Beliau berkata, banyak momorandum telah dipanjangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (bekas perdana menteri), namun tiada reaksi positif diterima.

Dalam pada itu, beliau berharap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dapat menjadi orang tengah di antara penduduk Kampung Tanjong Tokong dan UDA.

Ini kerana, katanya, Guan Eng pada 29 Oktober tahun lepas antara lain membuat pengumuman di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang bahawa Ketua Menteri itu mahu menggezetkan kedudukan Tanjong Tokong sebagai kampung warisan.

“Perbincangan dengan Kerajaan Negeri masih positif dan ada penegasan daripada Ketua Menteri sendiri, tapi masalahnya ada di pihak UDA.

“Y.A.B. (Guan Eng) meminta pihak UDA menghormati hasrat penduduk-penduduk di kampung ini dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaku pemilik asal tanah Tanjong Tokong,” ujar beliau merujuk pada laporan akhbar, The Star 31 Januari lepas.

Beliau mencadangkan satu “Jalur Warisan” digazetkan meliputi Warisan Madrasah Al-Taqwa (sejak 1925) dan Warisan Persekutuan Setia Tanjong Tokong (sejak 1911) selain memulihara 30 buah rumah warisan, di sini.



**AMARAH Melayu Kampung Tanjong Tokong terhadap pemaju UDA disuarakan melalui kain rentang yang digantung di tepi laluan utama.**

“Pembangunan adalah kesinambungan moden dan tradisi, Pulau Pinang yang begitu kaya dengan pelbagai warisan, tetapi, malangnya tidak ada warisan asal iaitu (kampung) warisan Melayu. Bukan konsep galeri atau muzium yang UDA cadang, bagi kami warisan sebegitu mati,” ujarnya.

Beliau bagaimanapun berkata, majoriti penduduk Kampung Tanjong Tokong terbabit tidak pernah menolak pelan pembangunan flat yang dikemukakan oleh UDA dengan syarat “Jalur Warisan” diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pesara, Mahmud Yusof, 57, ketika ditemui Buletin Mutiara berkata, cadangan menjadikan Kampung Tanjong Tokong sebagai ‘Kampung Warisan’ adalah wajar memandangkan kampung tersebut dikatakan antara kampung tertua di Pulau Pinang.


**MOHD. Salleh Yahaya menunjukkan beberapa dokumen mengenai usaha menjadikan sebahagian tanah Tanjong Tokong sebagai ‘kampung warisan’.**

# MPPP gugurkan tuduhan terhadap Beliawanis MCA

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebulat suara mencapai kata sepakat untuk tidak mengambil tindakan fitnah palsu yang dilemparkan Beliawanis MCA, Jessie Ooi berhubung isu tunda kenderaan awam pada sesi debat antara Ketua Menteri dan Presiden MCA, 18 Februari lalu di Kuala Lumpur.

Wakil Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, pada mulanya, sememangnya pihak majlis memberikan tempoh dua hari supaya Jessie memohon maaf secara terbuka sebelum tindakan undang-undang diambil sekiranya gagal berbuat demikian.

“Namun, apabila memikirkan kembali bahawa ianya adalah sebuah perkara remeh, kami (MPPP) bersetuju untuk melepaskannya sahaja kerana tidak mahu membuang masa melayan perkara tersebut. Masih banyak permasalahan rakyat yang perlu diberi perhatian,” katanya pada majlis sidang akhbar selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaran MPPP, Padang Kota Lama, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Tahir Jalaluddin, Iszuree Ibrahim, Mohd. Rashid Hasnon dan L.Prem Anand.

Terdahulu, Jessie pada sesi soalan terbuka sidang perdebatan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek di Kuala Lumpur 18 Februari lalu dalam dakwaannya menuduh MPPP berlaku tidak adil apabila menunda kenderaan orang awam pada lewat malam dan menaikkan cukai pintu.


**PARA Ahli Majlis MPPP menunjukkan tanda tidak bagus terhadap rakaman yang menunjukkan tindakan Jessie Ooi melemparkan fitnah palsu terhadap pihak majlis pada majlis sidang akhbar selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaran MPPP, Padang Kota Lama, di sini baru-baru ini.**

“Kami tidak mahu orang ramai menganggap kumpulan ahli majlis yang majoritinya kaum lelaki membuli seorang wanita. Biarlah rakyat Pulau Pinang yang mengadili dan menjadi hakim ke atas dakwaan dilemparkan beliau (Jessie).

“Apatah lagi apabila suaminya, melalui sebuah akhbar berbahasa Cina memohon agar semua pihak tidak lagi memberi tekanan kepada isterinya (Jessie) kini,” ujarnya.

# Penduduk flat Taman Seri Damai bakal peroleh lif baru

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Para penduduk rumah flat kos rendah blok 25, Taman Seri Damai, Batu Lanchang akhirnya boleh menarik nafas lega apabila Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM150,666 bagi memasang lif baru di sini baru-baru ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, jumlah tersebut merupakan 80 peratus daripada jumlah sebenar kos pemasangan, manakala 20 peratus lagi akan ditanggung oleh para penghuni flat tersebut.

Katanya, pada tahun 2005 hingga 2006, kedua-dua lif flat berkenaan didapati sering mengalami kerosakan sehingga menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran melakukan urusan harian. Satu daripadanya didapati langsung tidak boleh dibaiki akibat daripada kondisi yang begitu teruk, manakala satu lagi masih boleh digunakan walaupun dalam keadaan kurang memuaskan.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Danny Law Heng Kiang yang bersama dalam lawatan berkenaan berkata, pada tahun 2007, IJM Corporation Berhad (IJM) telah membuat keputusan untuk menyerahkan pengurusan flat berkenaan kepada persatuan penduduk dengan syarat mereka perlu memasang lif baru ekoran kesukaran penduduk melakukan tugas harian mereka.

"Setelah berbincang dengan pihak IJM, kami telah bersetuju untuk membiayai kos sebanyak RM10,000 masing-masing bagi menampung kos pemasangan lif tersebut, manakala setiap unit rumah hanya perlu membayar RM150 bagi kos selebihnya," ujarnya.

Sementara itu, menurut Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan flat, Shukor Ali, setiap blok mengandungi 192 unit rumah, di mana kira-kira 1,000 penghuni menetap di flat yang sudah pun berusia hampir 22 tahun.

"Kondisi lif di blok tersebut sangat membimbangkan penghuni yang terpaksa menaiki tangga sehingga tingkat 16. Lebih sukar apabila terdapat orang sakit yang memerlukan bantuan segera," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kerja-kerja pemasangan lif baru di blok berkenaan akan mengambil masa kira-kira tiga minggu untuk disiapkan. Setelah selesai, pemasangan lif baru akan disambung ke blok lain bagi membaikpulih keadaan lif yang sudah uzur dan tidak memuaskan.



**KETUA Menteri (tiga dari kiri) berjabat tangan dengan Shukor Ali (kiri sekali) sambil disaksikan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi (dua dari kiri) sempena lawatan khas ke Flat Taman Seri Damai di sini baru-baru ini.**

# 10 set komputer baru untuk sekolah agama



**ANTARA set komputer baru yang disumbangkan Kerajaan Negeri kepada SMAAI di sini baru-baru ini**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM –** Permohonan bagi mendapatkan 10 set komputer baru Sekolah Menengah Agama Al-Ahmadiah Al-Ijtima'iah (SMAAI) daripada Kerajaan Negeri akhirnya termakbul walaupun ia baru sahaja dihantar pada penghujung tahun lalu.

Pengetua SMAAI, Haji Hamzah Haji Jaafar berkata, kali terakhir SMAAI menerima bantuan peralatan komputer adalah pada tahun 2007 iaitu sebanyak empat unit daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

"Walau bagaimanapun, ekoran kemasukan pelajar yang semakin bertambah dan penggunaan yang lebih kerap, set komputer sedia ada telah usang dan banyak rosak.

"Sebelum membuat surat permohonan kepada Kerajaan Negeri, kita (SMAAI) lazimnya sudah pohon kat Kementerian, tapi bantuan komputer kepada sekolah-sekolah adalah amat terhad.

"Alhamdulillah, syukur sangat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bantu, walaupun baru sahaja buat permohonan hujung tahun lalu," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Pada penghujung tahun lalu, pihak SMAAI telah membuat permohonan bagi mendapatkan 10 set komputer baru daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng melalui Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Seberang Jaya, Abdul Jalil Che Ros.



**HAJI Hamzah Haji Jaafar**

Melihat kepentingan tersebut, Ketua Menteri telah meluluskan permohonan tersebut dan set-set komputer telah dihantar untuk kegunaan 250 pelajar dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Enam sekolah pada awal tahun ini.

Dalam pada itu, Abdul Jalil yang turut serta dalam sesi lawatan khas tersebut turut menyatakan bahawa secara umumnya, sekolah-sekolah agama kurang mendapat pendedahan teknologi maklumat (ICT).

"Jadi dengan sumbangan sebegini, pengetahuan tentang dunia ICT dapat diterapkan dalam kalangan para pelajar sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang," ujarnya.

Selain 250 pelajar, SMAAI memiliki 27 tenaga pengajar. SMAAI yang ditubuhkan pada tahun 2000 kini dalam usaha mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran kondusif yang bukan sahaja berteraskan subjek-subjek diniyah, malah, turut memberi penekanan kepada subjek-subjek akademik termasuk ICT.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

# P. Pinang tawar model CAT atasi MAS rugi RM2.52 bilion

**GEORGE TOWN –** Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) wajar ditawarkan model bisnes baru berasaskan prinsip 'Cekap, Akauntabel dan Telus' (CAT) sebagaimana yang diamalkan dalam urus tadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Bagan, Tuan Lim Guan Eng berkata demikian baru-baru ini sebagai reaksi pada kerugian mengejutkan sebanyak RM2.52 bilion yang dialami oleh syarikat penerbangan nasional itu.

Beliau berkata, amalan CAT terbukti melonjak Pulau Pinang sebagai negeri paling tinggi menerima pelaburan asing langsung (FDI) pada tahun 2010, iaitu sebanyak RM12.2 bilion.

"Urus tadbir yang 'Cekap, Telus dan Amanah' (CAT) bukan sahaja meyakinkan pelabur untuk datang ke negeri ini, malam menguntungkan rakyat," ujarnya pada satu kenyataan di Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa amalan CAT juga telah melonjak Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pembuatan terbaik selama dua tahun berturut-turut di negara ini, iaitu pada tahun 2010 dan 2011.

"Amalan CAT turut meletakkan Pulau Pinang mencatatkan lebihan bajet setiap tahun sejak 2008, selain berjaya mengurangkan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 95 peratus atau RM600 juta menjadi RM30 juta sahaja.

"Berbeza dengan MAS, prestasi syarikat penerbangan kebangsaan itu mula menjunam sejak tahun 2009, iaitu ketika Datuk Seri Idris Jala melepaskan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam syarikat itu bagi dilantik ke jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)," ujar Guan Eng.

Jelasnya, keuntungan bersih MAS bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing sebanyak RM490 juta dan RM234 juta sebelum didedah rugi sebanyak RM2.52 bilion pada tahun lepas.

"Ketika Idris dilantik sebagai CEO pada tahun 2005, keuntungan MAS dicatatkan sebanyak RM850 juta berbanding kerugian RM1.3 bilion dalam masa dua tahun sebelum itu.

"Simpanan tunai MAS pula didedah RM1 bilion pada akhir tahun lepas sungguhpun pada tahun 2010, syarikat penerbangan nasipnal itu mempunyai simpanan tunai sebanyak RM2.1 bilion.

"Aset bersih MAS turut menguncup dari RM3.5 bilion kepada RM1.1 bilion dalam tempoh tersebut," jelasnya.

Melihat rekod buruk MAS itu, Guan Eng berkata, pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak wajar berdalih kononnya kerugian yang dialami MAS itu berpunca oleh senario ekonomi global yang kononnya tidak sihat.

Ini kerana katanya, Singapura Airlines masih mencatatkan keuntungan untuk tahun lepas ketika MAS mengalami kerugian sebanyak RM2.52 bilion.

Tambahnya lagi, Air Asia sendiri mengalahkan MAS dari segi segi pemodalan pasaran sungguhpun syarikat itu adalah syarikat penerbangan tambang murah yang kecil.

"Permodalan pasaran Air Asia sebanyak RM10.1 bilion berbanding MAS, iaitu sebanyak RM4.8 bilion sahaja.

"Mengapa syarikat penerbangan bajet yang mengenakan caj yang lebih rendah boleh berjaya dan untung berbanding syarikat penerbangan kebangsaan yang mengenakan caj tinggi," soal beliau.

# Jamuan amal kumpul dana tabung bencana TYT



**MANSOR Othman (tengah) bersama Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang, Datuk Mohd. Yussof Latiff (kanan) dan Presiden Airtropolis Sdn. Bhd., Datuk Abdul Rafique Karim bergambar kenangan selepas sesi bersama media berhubung pengumuman Majlis Jamuan Makan Malam Amal di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bakal menganjurkan Majlis Jamuan Makan Malam Amal sempena usaha mengumpul dana bagi mengisi Akaun Amanah Tabung Bencana Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bertempat di *Straits Quay Convention Centre*, Tanjung Tokong pada 28 Mac 2012 di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman pada satu sesi bersama media berkata, program berkenaan adalah sebagai salah satu tanggungjawab sosial yang dilaksanakan bagi membantu mereka yang ditimpa bencana di negeri ini.

"Ianya bertujuan memberikan bantuan dan bayaran saguhati kepada mangsa-mangsa kejadian bencana alam di seluruh Pulau Pinang dari semasa ke semasa untuk meringankan bebanan yang ditanggung," katanya di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, penganjuran majlis hanya dilakukan apabila terdapat keperluan untuk menampung dana sedia ada.

"Tabung sedia ada semakin menguncup apabila Pulau Pinang dilanda tsunami pada tahun 2004 dan juga pembayaran turut diberikan kepada mangsa-mangsa ribut dan ombak besar pada tahun selepasnya.

"Jesteru, bagi memastikan Akaun Amanah ini sentiasa mempunyai sejumlah simpanan yang berupaya menampung keperluan mangsa bencana, Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa yang ditubuhkan ini menyeru dan merayu kepada mana-mana individu, pertubuhan, syarikat swasta atau syarikat milik kerajaan untuk turut menyumbang pada majlis tersebut yang akan disempurnakan sendiri oleh Tun Abdul Rahman Abbas," ujarnya lagi.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi pihak urus setia Akaun Amanah Tabung Bencana TYT di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 25, Komtar atau melalui talian 04 – 650 5632 atau 04 – 650 5394. Setiap sumbangan yang diberikan layak untuk menerima pelepasan bayaran cukai.

# LEE Rubber tutup sebulan awal



**KETUA Menteri ketika membuat lawatan ke kilang LEE Rubber Co. Pte. Ltd. pada hari terakhir pengoperasiannya di sini baru-baru ini.**

**PAYA TERUBONG –** Penduduk sekitar Paya Terubong yang sebelum ini terpaksa menghidu bau asap kurang menyenangkan akibat aktiviti pemprosesan getah akhirnya menarik nafas lega apabila Syarikat LEE Rubber Co. Pte. Ltd. membuat keputusan untuk menutup operasi kilang mereka di sini pada 1 Mac lalu ke Kelantan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kilang tersebut telah beroperasi sejak 40 tahun lalu dari Lebuh Noordin ke sini pada tahun 1970. Malah, keadaan menjadi semakin teruk sejak beberapa tahun lalu sehinggakan Kerajaan Negeri menerima aduan secara berterusan daripada penduduk sekitar. Selain bertulis, lisan dan emel, maklum balas juga diterima melalui laman facebook Ketua Menteri.

"Setelah berbincang dengan Kerajaan Negeri, akhirnya pihak pengurusan kilang tersebut bersetuju untuk menghentikan operasi mereka di Paya Terubong dan berpindah ke tempat baru di Kelantan.

"Lanjutan itu, kami (Kerajaan Negeri) telah menerima surat daripada pihak syarikat terbabit pada 4 Ogos 2011 menyatakan bahawa pihaknya akan menghentikan operasi pada 1 April 2012. Namun, tarikh penutupan kilang telah diawalkan sebulan," katanya ketika membuat lawatan pada hari terakhir pengoperasian kilang LEE Rubber Co. Pte. Ltd. sebelum ditutup secara rasminya di sini baru-baru ini.

Turut sama dalam lawatan tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Kesihatan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin serta beberapa orang barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, menurut Pengurus LEE Rubber Co. Pte. Ltd. Cawangan Pulau Pinang, Chew Chee Bing, setiap bulan, kilang tersebut akan memproses kira-kira 5,000 tan metrik *Standard Malaysian Rubber* (*SMR*) untuk dijadikan bahan-bahan mentah penting untuk dieksport ke Selatan Thailand dan Acheh, Sumatera.

LEE Rubber Co. Pte. Ltd. di kawasan pulau, Pulau Pinang merupakan kilang terbesar bagi memproses getah di Malaysia. Kini, episod kilang tersebut hanya tinggal sejarah buat rakyat negeri ini.

# Jalan Bagan 29 alternatif bayaran 50 sen Tol Sungai Nyior

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH –** Jalan Bagan 29, di sini, boleh dijadikan jalan alternatif yang menghubungkan Butterworth dengan Seberang Jaya bagi mengelak bayaran 50 sen di Tol Lebuhraya Sungai Nyior.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Uitiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng berkata, jarak perjalanan menggunakan jalan alternatif tersebut dan Lebuhraya Sungai Nyior adalah hampir sama.

Beliau berkata, jarak perjalanan sehala bermula dari simpang empat trafik Jalan Siram ke Hotel Sunway dekat Seberang Jaya yang menerusi Jalan Bagan 29, Jalan Bagan 1, Jalan Chain Ferry dan Jalan Todak adalah kira-kira 4 kilometer.

"Manakala, jarak perjalanan sehala bermula dari simpang empat trafik Jalan Siram ke Hotel Sunway dekat Seberang Jaya melalui Tol Lebuhraya Sungai Nyior adalah kira-kira 5.8 kilometer.

"Jarak perjalanan pergi dan balik semula melalui jalan alternatif ini (Jalan Bagan 29) adalah hampir sama jika pengguna kenderaan mahu mengelak tol (Lebuhraya Sungai Nyior)," katanya pada sidang media di Pasar Awam Bagan, di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya Jalan Bagan 29 berstatus jalan bandaran, bukan jalan utama.

Tambahnya, penduduk setempat sendiri sedar bahawa Jalan Bagan 29 itu adalah jalan utama.

"Kerajaan Negeri melebar sedia ada Jalan Bagan 29 daripada dua lorong kepada empat lorong dan dikaitkan dengan Jalan Siram.

"Jalan sebelumnya (sebelum diperlebarkan) berakhir berhampiran Pangsapuri Aman rumah pangsa," katanya.

Beliau berkata, pelebaran Jalan Bagan 29 itu telah menelan belanja RM2.2 juta sungguhpun kos asal yang dihitung sebanyak 1.8 juta sahaja.

Ini kerana, katanya, Kerajaan Negeri terpaksa membayar lebih pampasan kepada empat tuan tanah demi melebarkan jalan berkenaan. Inilah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi memperbaiki trafik jalan raya," ujarnya.

Bercakap pada sidang media yang sama, ADUN Bagan Dalam, A.Tanasekharan berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai kuasa untuk memansuhkan tol di Sungai Nyior itu memandangkan perjanjian konsesi tol adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.



LIM Hock Seng (kanan sekali) bersama A.Tanasekharan (tengah) menunjukkan Jalan Bagan 29 yang diperlebarkan hasil usaha Kerajaan Negeri bagi membolehkan rakyat mengelak bayaran 50 sen Tol Lebuhraya Sungai Nyior.

"Sebagai sebuah Kerajaan Negeri, kita telah menunjukkan usaha menguntungkan rakyat dengan melebarkan jalan alternatif ini (Jalan Bagan 29), selebihnya di tangan (kerajaan) pusat kerana (usaha memansuhkan) tol di bawah bidang kuasa pusat," ujar beliau.

---


PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH

SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋

请更新您的资料

நடுத்தர/ மலிவு விலை வீடுகளுக்கான விண்ணப்பம்

உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web http://erumah.penang.gov.my
atau Tel : 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel : erumah@penang.gov.my



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
TINGKAT 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012

***Permohonan sebelum tahun 2008 perlu dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini, baru layak untuk ditawarkan rumah.***

*Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:*
*-Pejabat Wakil Rakyat*
*-Pejabat Daerah Dan Tanah*
*-Pejabat Rancangan Perumahan*
*-Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar*

从2011年12月15日至2012年3月31日

只有在2008年前申请者需要更新资料,
只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。

更新表格(PN2)可在以下地点获得：
- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட பிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:
- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நில மற்றும் வட்டார அலுவலகம்
- வீடமைப்பு திட்டத்தின் அலுவலகம்
- வீடமைப்புப் பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்

# Provokasi: P. Pinang desak Menteri KDN, PDRM tingkat keselamatan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein didesak memberi jaminan keselamatan ke atas Y.A.B Tuan Lim Guan Eng gara-gara Ketua Menteri Pulau Pinang itu menerima ancaman sekumpulan pemuda UMNO dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) pada Himpunan Hijau 2.0 anti Lynas di Sudut Pidato Padang Kota Lama, di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, desakan tersebut adalah hasil daripada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut mendesak Polis diRaja Malaysia (PDRM) supaya memberi jaminan keselamatan serta perlindungan kepada dua wartawan akhbar harian Kwong Wah Jit Poh yang turut menerima serangan dalam insiden yang sama.

Wartawan-wartawan terbabit, Adam Chew atau Chew Seng Tung, 29, menerima lapan jahitan di bahagian lengan manakala kepala Lee Hong Chun, 25, menerima hentakan topi keledar.

Disebabkan itu, beliau menolak dakwaan pembangkang kononnya provokasi itu dicetuskan oleh Guan Eng sendiri.

"Perusuh-perusuh telahpun memukul orang (awam) sebelum Y.A.B Ketua Menteri sampai," ujarnya pada satu sidang media di Komtar, di sini.

Himpunan Hijau 2.0 dicetuskan serta dianjurkan di seluruh negara sebagai protes pada langkah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membenarkan operasi kilang nadir bumi Lynas di Kuantan, Pahang. Perhimpunan aman 1,000 rakyat anti Lynas tersebut adalah anjuran NGO, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Pulau Pinang.

Sidang media itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Lalulintas, Chow Kon Yeow, Abdul Malik Kassim (Pengerusi Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Sim Tze Tzin (ADUN Pantai Jerejak).

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Pusat Khidmat Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim beberapa hari kemudian turut menerima 'bangkai ayam berdarah'.

Ekoran kejadian tersebut, satu laporan telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Bandar Perda Seberang Perai Tengah (SPT) pada hari kejadian.



**MANSOR Othman (dua dari kiri) sambil ditemani Chow Kon Yeow (kiri sekali), Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan Sim Tze Tzin (kanan sekali) menunjukkan gambar 'bangkai ayam berdarah' yang diletakkan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.**



**BANGKAI ayam yang diletakkan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Permatang Pauh.**

# Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang tidak rasis

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SERI DELIMA –** Tanpa mengira bangsa dan agama! Walaupun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima adalah berketurunan Hindu, faktor tersebut tidak pernah menghalang beliau serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kawasannya menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul di sini baru-baru ini.

ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer dalam ucapannya menegaskan bahawa, walaupun beliau adalah wakil rakyat berbangsa India dan beragama Hindu, galakan dan saluran peruntukan turut diberikan kepada masyarakat Islam di Sungai Gelugor untuk mengadakan Sambutan Maulidur Rasul dan majlis-majlis keagamaan lain dari semasa ke semasa.

"Selagi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ada (memerintah), majlis seperti ini (majlis kebesaran agama Islam) akan kita (Kerajaan Negeri) teruskan.

"Sebagai tambahan, kita (Kerajaan Negeri) juga akan pastikan halaman dewan ini bertar supaya lebih selesa dan tidak lecah pada masa akan datang", ucap beliau pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Majlis anjuran JKKK Sungai Gelugor dengan kerjasama ADUN Seri Delima itu turut diserikan dengan penyampaian Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat JKKK Sungai Gelugor yang dimenangi Wan Salim Mohd. Noor, alunan nasyid dan selawat serta tazkirah (peringatan) ringkas.

Dalam pada itu, menurut Abdul Malik, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sentiasa menyokong semangat toleransi dan memupuk masyarakat hidup serumpun.

"Kita umat Islam perlu meneladani, memperingati dan mempraktikkan sunnah baginda Rasulullah S. A. W. termasuklah akhlak baginda.

"Baginda Rasulullah S. A. W. sangat bersopan-santun dan tidak pernah membeza-bezakan sahabat baginda yang datang dari pelbagai suku kaum termasuklah Bilal bin Rabah dari kalangan Habsyi yang berkulit gelap dan Salman Al-Farisi yang datang dari wilayah Parsi ketika itu," ujar beliau.




**MANSOR Othman (depan, dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang bersempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul anjuran JKKK Sungai Gelugor dengan kerjasama ADUN Seri Delima di sini baru-baru ini.**

# Pulau Pinang unik, harus dilawati!

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** "Pulau Pinang adalah tempat di mana anda boleh mengetahui budaya hidup yang bermula di antara 100 hingga 120 tahun lalu. Justeru, Pulau Pinang bukan sahaja unik dengan destinasi pelancongan pilihan, malah, turut terkenal dengan keunikan budayanya," ujar Danny Law Heng Kiang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan semasa ditemui pada sidang medianya di sini, baru-baru ini.

Menurut beliau, sejak dinobatkan sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008, Pulau Pinang juga turut mendapat perhatian daripada dalam dan luar negara sebagai negeri yang penuh dengan keunikannya tersendiri.

"Awal tahun lalu, Pulau Pinang telah dinobatkan sebagai salah satu daripada 10 pulau yang wajib dilawati semasa hayat anda oleh *Yahoo Travels*. Seterusnya, *CNN.com* juga telah menamakan Laksa Pulau Pinang sebagai item nombor tujuh yang paling lazat di dunia di mana ia merupakan satu-satunya penyertaan dari Malaysia," tambah Danny lagi.

Selain itu, *Allianz Penang Bridge International Marathon* yang diadakan saban tahun juga turut tersenarai di dalam *Malaysian Book of Records* sebagai larian jambatan yang terbesar di Malaysia. Seramai 27,500 peserta dari dalam dan luar negara telah menyertai acara tahunan tersebut dan tahun lalu (2011) mencatatkan jumlah penyertaan tertinggi dalam sejarah.

"Baru-baru ini, seni tempatan kita, '*Chingay*' turut dinamakan sebagai warisan kebangsaan kerana kaya dengan sejarah yang panjang di negara ini. Selain Singapura, Pulau Pinang adalah satu-satunya tempat di dunia di mana '*Chingay*' masih dipersembahkan secara meluas," ujar beliau mengulas kritikan dilemparkan pihak yang sebelum ini mendakwa Pulau Pinang tidak tersenarai di dalam 45 bandar yang harus dilawati pada tahun ini.

Dalam pada itu, sebuah akhbar popular dan terkenal dengan portal berita, *New York Times*, telah tampil menyatakan bahawa mereka dapat melihat keunikan Pulau Pinang secara menyeluruh (melalui kajian secara terperinci) dalam tempoh dua hari mereka menetap di sini.

"Di antara tempat-tempat menarik untuk dilawati jika berkunjung ke negeri ini termasuklah Bukit Bendera, Padang Kota Lama (Esplanade), Kota Fort Cornwallis, Muzium Negeri, *Armenian Street*, Taman Negara dan banyak lagi," tambah Danny lagi.



**DANNY Law Heng Kiang menunjukkan dokumentari mengenai Pulau Pinang yang ditulis oleh *New York Times*, baru-baru ini.**

# Dialog peniaga medan selera capai solusi terbaik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Berpandukan aduan pengguna terhadap harga makanan tinggi di Kompleks Medan Renong, Padang Kota Lama di sini, satu dialog khas telah diadakan antara Kerajaan Negeri bersama persatuan penjaja kompleks berkenaan di sini baru-baru ini.

Kerajaan Negeri yang diwakili Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim menyatakan bahawa sesi dialog tersebut bertujuan untuk mengetahui dan mendengar sendiri maklum balas para peniaga ekoran rungutan pengunjung diterimanya.

"Saya ada menerima beberapa rungutan tentang harga makanan yang terlampau tinggi dan tahap kebersihan di sini (medan selera) kurang memuaskan sejak tiga bulan lalu.

"Justeru, saya di sini bersama Pengarah Jabatan Perkhidmatan, Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Shalehudin Rashid akan mendengar penjelasan kedua-dua pihak agar penyelesaian terbaik dapat dicapai," katanya selepas selesainya sesi dialog di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, persatuan penjaja diwakili pengerusinya, Mohamed Hussain Mohd. Sheriff.

Menjelaskan peranan MPPP, menurut Shalehudin bahawa MPPP tidak boleh meminta para peniaga untuk menurunkan harga sebaliknya, menawarkan beberapa opsyen, antaranya, cadangan penyediaan



**MOHAMED Hussain Mohd. Sheriff (empat dari kanan) menceritakan permasalahan para penjaja Kompleks Medan Renong, Padang Kota Lama kepada Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) pada sesi dialog khas yang diadakan di sini baru-baru ini.**

saiz hidangan dan kawalan terhadap penjaja haram di kawasan Kompleks Medan Renong.

"Cuma buat masa ini, kita berharap agar para peniaga dapat memberi sedikit pertimbangan untuk menurunkan sedikit harga sedia ada. Letak harga yang munasabah dan berpatutan dengan saiz hidangan," ujar Shalehuddin yang turut menyatakan bahawa pihak MPPP cuma mengenakan kadar sewa sekitar RM120 sebulan tanpa melibatkan penggunaan air dan elektrik oleh para peniaga di medan selera tersebut.

Pada masa sama, beliau turut mencadangkan bahawa penggunaan sepenuhnya peti cadangan yang akan ditempatkan di kawasan medan selera tersebut bagi memudahkan para pengunjung untuk mengemukakan aduan.

Bagi Mohamed Hussain, beliau dan persatuan bersedia berunding dengan MPPP dan Kerajaan Negeri dalam mencari alternatif terbaik yang bukan sahaja menguntungkan para peniaga, malah, memberi kepuasan kepada pengunjung.

# KN kekal pulihara bangunan warisan BPR Pulau Pinang



**KETUA Menteri cuba mendapatkan penjelasan daripada salah seorang pakar bangunan yang turut serta dalam lawatan beliau ke Bangunan Warisan Badan Pencegah Rasuah Pulau Pinang di Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Bangunan Warisan Badan Pencegah Rasuah Pulau Pinang (BPR) tidak akan dirobohkan selari dengan status "George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO".

Ketua Menteri Pulau Pinang baru-baru ini membuat pendirian sedemikian selepas mengadakan perbincangan bersama-sama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) di negeri berkenaan serta melawat bangunan berusia lebih 100 tahun tersebut di Lebuh Pantai, di sini.

"Keputusan awal yang dibuat oleh Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) dan saya adalah betul, iaitu kita kekalkan bangunan itu dan tidak akan membenarkan ia dirobohkan," ujarnya dalam satu sidang media selepas selesainya sesi lawatan di sini baru- baru ini.

Beliau berkata, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan mesti dilakukan ke atas fizikal bangunan tersebut, termasuk tangga kayu utama berusia lebih 100 tahun yang diperbuat daripada balak jenis jati.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membantu SPRM untuk memulihara semula bangunan warisan ketegori ke-2 tersebut dengan memohon peruntukan daripada kerajaan pusat memandangkan bangunan ini adalah milik kerajaan pusat," ujarnya.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng.

Cadangan merobohkan Bangunan Badan Pencegah Rasuah Pulau Pinang tersebut dicetuskan oleh SPRM Pulau Pinang sendiri bagi memudahkan proses pembinaan quaters staf suruhanjaya itu di satu tapak bersebelahan bangunan berkenaan.

# Pertandingan Menembak Piala TYT meriah



TYT turut menyertai acara menembak bagi kumpulan VIP.

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**KEBUN BUNGA –** Pertandingan Menembak Piala TYT 2012 yang berlangsung baru-baru ini disambut meriah dengan kehadiran Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas diiringi isteri, Toh Puan Hajah Majimor Shariff.

Penganjuran kali ketiga tersebut adalah oleh Kelab Menembak Pulau Pinang bersama Majlis Sukan Pulau Pinang.

"Sesungguhnya, melalui pertandingan yang diadakan ini dapat menyediakan satu peluang baik kepada para penembak untuk menikmati sukan menembak dengan semangat kental dalam kalangan rakan-rakan," ujar Pengerusi Kelab Menembak Pulau Pinang, Datuk Dr. Kenny Ong dalam ucapan perasmian beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau juga menyatakan rasa kesal dengan sesetengah badan bukan kerajaan (NGO) yang meminta mereka untuk memindahkan kelab berkenaan ke lokasi lain dengan alasan ia tidak sesuai berada di kawasan Kebun Bunga.

Kelab Menembak Pulau Pinang telah ditubuhkan 58 tahun lalu iaitu pada tahun 1954 dan merupakan antara Kelab Menembak tertua di Malaysia. Ia juga antara beberapa kelab menembak lain yang dibina di kawasan taman dan di kawasan bandar.

Dalam pada itu, menurut Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi, dengan adanya kemudahan dan sokongan daripada Kelab Menembak Pulau Pinang, pertandingan yang diadakan saban tahun telah banyak membantu atlet menembak negeri ini berhubung persediaan mereka untuk menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PENANTI**<br>YB Dato' Mansor Othman<br>mansor@penang.gov.my | (T) 04 - 522 1463<br>(F) 04 - 522 1463 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 650 5134<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 019 - 481 7823<br>(T) 016 - 401 3507 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Sim Tze Tzin<br>simtzetzin@penang.gov.my | (T) 019 - 443 2088<br>(F) 04 - 641 3088 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Dato' Tan Hock Leong<br>hltan@penang.gov.my | (T) 04 - 552 1366<br>(F) 04 - 552 1366 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 017 - 472 9990<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **JAWI**<br>YB Tan Beng Huat<br>tanbenghuat2000@yahoo.com | (T)04 - 598 1877<br>(F)04 - 598 1877 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanaseharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 538 1162<br>(F) 04 - 537 1163 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Ong Khan Lee<br>jason_okl@yahoo.com | (T) 04 - 818 2008<br>(F) 04 - 818 2008 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>aduhan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Ng Wei Aik<br>ngweiaik@penang.gov.my; nweiaik@gmail.com | (T) 04 - 227 0215<br>(F) 04 - 227 8215 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Tan Cheong Heng<br>michael@dappenang.com.my | (T) 04 - 502 5071<br>(F)04 - 508 9711 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 229 2105<br>(F) 04 - 226 2550 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Koay Teng Hai<br>koaytenghai@gmail.com | (T) 04 - 226 3227<br>(F) 04 - 226 3227 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Dato' Hj. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Koid Teng Guan<br>tgkoid@gmail.com | (T)010 - 464 3308<br>(F) 04 - 282 8322 |
| **BATU UBAN**<br>YB Raveentharan a/l Subramaniam<br>raveenkeadilan@gmail.com | (T) 04 - 659 6007<br>(F) 04 - 658 6007<br>04 - 2628188 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 227 7068<br>(F) 04 - 228 8514 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Dato' Haji Azhar Ibrahim | (T) 04 - 310 3100<br>(F) 04 - 323 8017 |
| **BERTAM**<br>YB Hajah Zabariah Wahab | (T) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Haji Roslan Saidin | |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Haji Shabudin Yahya | (T) 04 - 573 4630<br>(F) 04 -570 1997 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Dato' Haji Jasmin Mohamed | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Dato' Hjh. Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 3675<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah<br>arif@arifshah.com | (T) 04 - 398 0185 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Dato' Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Syed Ameruddin Dato' Syed Ahmad | |
| **PULAU BETONG**<br>YB Sr. Haji Muhamad Farid Saad | |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Hj Rosidi Bin Hussain<br>albertami@yahoo.com<br>019-4704 800 | (T) 04 - 575 6577<br>04 - 575 8578<br>(F) 04 - 575 8578 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Bin Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | (T) 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | (T) 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Bin Md Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | (T) 019 - 510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Mohd. Fahmi Abd. Wahab<br>krisoft.engineer@yahoo.com | (T) 04 - 575 1085<br>(F) 04 - 575 1085 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Salehin Mohamed<br>pjd_403@ymail.com | (T) 017-427 1581 |
| **SEBERANG JAYA**<br>Abdul Jalil Che Ros<br>abjteguh@gmail.com | (T) 04-390 5109 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar<br>hjwanday@yahoo.com | (T) 012 - 4735774 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Binti Hashim<br>asnah_45@streamyx.com | (T) 019 - 472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj Mohd Tuah Bin Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | (T) 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hamid@gmail.com | (T) 016-400 6462 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WWC | 04-228 0342<br>04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-658 1122<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 019 - 470 4800 | Rosidi Hussain |
| N2 | Bertam | 012 - 490 6546 | Abd Rashid |
| N3 | Pinang Tunggal | 019 - 437 2887 | Muhasdey |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 510 2633 | Arshad Md. Salleh |
| N5 | Sungai Dua | 019 - 477 6740 | Md. Fahmi Abd. Wahab |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 427 1581 | Salehin Mohamed |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 528 8411 | Ng Ya Ling |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 013 - 489 3227 | Abdul Jalil Che Ros |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442 | Kamal |
| N12 | Penanti | 04 - 522 1463 | Suhaimi Bin Mansor |
| N13 | Berapit | 019 - 481 7823 | Ong Kee Seong |
| N14 | Machang Bubuk | 019 - 546 3257 | Rynu |
| N15 | Padang Lalang | 04 - 502 5071 | Ooi Zhen Chee |
| N16 | Perai | 012 - 339 3479 | Pn. Rajaletchumi |
| N17 | Bukit Tengah | 016 - 469 5343 | Amizuddin |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 442 0820 | Ong Eu Leong |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784 | Abdul Halim Yunus |
| N20 | Sungai Bakap | 012 - 415 2905 | Munir Bin Makhtar |
| N21 | Sungai Acheh | 012 - 473 5774 | Hj M. Kamil A.Bakar |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 232 6101 | Carol |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Chiam Heng Hock |
| N24 | Kebun Bunga | 04 - 829 3691 | Nancy Lim |
| N25 | Pulau Tikus | 012 - 488 3227 | Joe |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 437 1522 | Wang Lai Kin |
| N28 | KOMTAR | 012 - 412 6284 | Adreena |
| N29 | Datok Keramat | 012 - 410 6566 | A. T. Ong |
| N30 | Sungai Pinang | 010 - 464 3308 | Anna |
| N31 | Batu Lancang | 012 - 480 3885 | Ooi Soo Chuan |
| N32 | Seri Delima | 012 - 486 2552 | Mr. Lingam |
| N33 | Air Itam | 012 - 493 3648 | Teh Choong Kong |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963 | Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 012 - 409 7507 | A.Francis Xavier |
| | | 010 - 562 2004 | M. Sri Jaimuralydasan |
| N36 | Pantai Jerejak | 019 - 443 2088 | Victor |
| N37 | Batu Maung | 013 - 510 1968 | Latifah |
| N38 | Bayan Lepas | 019 - 472 6956 | Asnah Bt Hashim |
| N39 | Pulau Betong | 019 - 570 9500 | Hj Md Tuah Ismail |
| N40 | Telok Bahang | 016 - 400 6462 | Halil Sabri |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my | 012-590 75 07 |
| En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my | 012-4290 163 |
| En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| Cik Tan Xin Ying (DAP) | 016 - 553 1987 |
| En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP) | 013 - 485 3128 |
| En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) bahktiarappandi@mpsp.gov.my | 017-568 3778<br>04-977 3982 |
| En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019- 408 4899 |
| En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my | 019-446 35 51 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |
| En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP) | 012 - 483 0878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 42822 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Lim Siew Khim (DAP) | 016 - 531 6026 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016 - 438 4809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| En. Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016 - 417 1331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016 - 422 2142 |
| En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS) | 04 - 657 7464 (Tel)<br>012 - 472 8114 |
| Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205<br>019 - 450 7890 |
| Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012 - 472 6725 |
| Encik Teh Lai Heng (DAP) | 016 - 445 9808 |
| Encik Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012 - 412 2558 |
| Encik Tan Seng Keat (PKR) | 012 - 438 6191 |
| Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) | 019 - 456 0077 |
| Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Mohd Taufik Bin sulong (PKR) | 012 - 438 0873 |
| Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) | 012 - 463 5959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012 - 422 1880 |
| Encik Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com | 016 - 470 7089 |


**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZULIANA AZIZ
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat
04-650 5375, 04 - 650 5559,
04 - 650 5561, 04 - 650 5705, 04 - 650 5256


## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mac 2012



2hb - 4hb Mac
***KFC/PSC International Regatta***
Penang Swimming Club

25hb Mac
***MALAKOFF 26KM RUN***
Youth Park






30hb Mac - 1hb Apr
***Penang World Music Festival 2010***
Penang Botanic Gardens

From: Jimmy C S Lim
Subject: Birds in the skies

My Dear Chief Minister,

We are like birds in the skies,
the seasons take us everywhere in a seamless manner.
The seasons come and the seasons go,
we must never think of a project completed to our satisfaction.
Always striving for perfection
brings us closer to an endless chase,
which life on earth can be all about.
Once totally satisfied
may be a signal that it may be game over time.
For this reason we need to occasionally touch base
that we are all well.

May I wish you a Happy and Healthy Seamless New Year.

Warmest regards
Jimmy Lim
from Penang


## Iklaneka





**Buletin Mutiara boleh diperoleh di :**

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

**Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :**
**Shawal Ahmad:**
**04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004**
**shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com**




ANAK-anak muda yang membuat persembahan nasyid sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul JKKK Sungai Gelugor.





AHLI-ahli persatuan bukan kerajaan (NGO), SUARAM membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut ekoran keganasan pihak tidak bertanggungjawab di Himpunan Hijau 2.0.



KEADAAN rumah salah seorang mangsa ribut Pinang Tunggal yang memperoleh perhatian dan bantuan khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

KETUA Menteri meneliti tangan wartawan, Andrew Chew sambil diperha rugambar, Lee Hong Chun (yang juga cedera) yang dicederakan pihak t tanggungjawab pada Himpunan Hijau 2.0 di Dataran Pidato, Padang Kot



PARA pemohon membuat semakan terakhir sebelum menghadiri sesi temuduga peniaga pasar, tapak penjaja sementara dan kompleks MPPP di Padang Kota Lama.





PENGERUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (barisan tengah, tengah, berkaca mata) bersama Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Keranjang Negeri Pulau Pinang dan penerima-penerima anugerah khas menunjukkan tanda bagus pada majlis makan malam ulangtahun persatuan ke-82.



PARA peserta tekun mendengar ucaptama penceramah-penceramah jemputan pada Persidangan Kesederhanaan Tulen.



PENGERUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi menunjukkan kebolehan menembak sempena Pertandingan Menembak Piala TYT 2012.



PARA penghuni rumah kos rendah dan sederhana rendah Halaman Kenanga yang merupakan projek Kerajaan Negeri di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menunjukkan replika kunci berlatar belakangkan blok kediaman masing-masing pada majlis penyerahan kunci di sini.

atikan ju-
tidak ber-
a Lama.





SEORANG wanita berjabat tangan dengan Ketua Menteri yang turun padang mengedarkan kuntuman bunga carnation sempena sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac 2012.




SEKUMPULAN pengamal media Pulau Pinang menunjukkan sepanduk mempertikaikan tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ekoran keganasan yang berlaku di Himpunan Hijau 2.0.


Amalan 8S
semasa berurusan dengan pelanggan
SALAM
SEMPURNA
SAYANG
SENSITIF
SEGAK
SENYUM
SEGERA
SOPAN


http://ebayar.penang.gov.my
BANK ISLAM
Hong Leong Online Personal
Maybank2e.net
PB eBank.com
RHB Now
VISA
CIMB Clicks
maybank2u.com
MasterCard
Pembayaran Bagi ...
Cukai Tanah
Pinjaman Penuntut
Cukai Taksiran MPPP
Cukai Taksiran MPSP


GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang
15888
mudah.ringkas
Senarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan
Semakan Status Rumah Kos Rendah
Semakan Status Pinjaman Penuntut
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut
Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Cukai Tanah
sila klik untuk maklumat lanjut ....


Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah,
Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)
http://erumah.penang.gov.my


EzeG
Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online
Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang


ePINTAS
Penang Information And Complaint System
http://epintas.penang.gov.my
Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.
Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri


JPS
CARELINE
1 300 80 1010
Sebarang aduan tentang
perkhidmatan JPS boleh
disalurkan melalui
JPS CARELINE 1-300-80-1010


Sistem Penghargaan Warga Emas
i-Sejahtera
http://isejahtera.penang.gov.my
warga emas
miskin tegar


NOTIS PEMBERITAHUAN
MULAI 1 JULAI 2011,
PEMBAYARAN UNTUK SEMUA
URUSAN TANAH DENGAN
MENGGUNAKAN CEK
ADALAH
TIDAK DIBENARKAN
KECUALI
UNTUK BAYARAN
CUKAI TANAH SAHAJA
BERKUATKUASA 1 JULAI 2011
Notis Pemberitahuan - Tidak Membenarkan Penggunaan Cek Untuk Bayaran Urusan Tanah
Kecuali Cukai Tanah


my Penang
my workplace
Penang CAT
Career Assistance and Talent Centre
www.penangcatcentre.my
your global gateway to Careers in Penang
investPenang
Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

# *Safe Driving for Senior Citizens* dapat sambutan hangat

**SAMBUTAN HANGAT...** Seminar '*Safe Driving for Senior Citizens*' yang berlangsung di Hotel Gurney di sini baru-baru ini mendapat sambutan luar jangkaan daripada warga emas seluruh Pulau Pinang.

Malah, tempat terhad kepada 100 peserta pada awalnya, kemudian telah dilanjutkan kepada 120 peserta bagi menjayakan penganjuran julung kali diadakan di negeri ini khusus buat warga emas berumur 60 tahun ke atas.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, juga merangkap penganjur program berkata, inisiatif diambil untuk mengadakan seminar tersebut adalah setelah beliau didatangi sekumpulan warga emas yang prihatin dengan idea supaya memperkenalkan seminar sebegini khas buat pengguna jalan raya yang sudah lanjut usia.

"Melalui seminar yang diadakan ini, mereka boleh menilai sejauh mana kecekapan mereka dalam pemanduan melalui sesi bertanya di samping berkongsi pengetahuan dan pengalaman melalui perbincangan berkumpulan," kata Kon Yeow.

Seminar satu hari tersebut turut dijayakan Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Trafik serta Hospital Besar Pulau Pinang.

Di pertengahan acara, satu majlis sambutan hari lahir mengejut telah diadakan bagi meraikan warga emas yang lahir pada bulan berkenaan. Seramai 10 orang warga emas diraikan dengan kek yang telah disediakan oleh pihak penganjur.



**SERAMAI 10 peserta yang dilahirkan pada bulan Februari diraikan bersempena penganjuran Seminar '*Safe Driving for Senior Citizens*' di sini baru-baru ini.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8524 |
| Peminjam | : | SHAHIDAH BINTI AMAT - 790317075270<br>808 PERMATANG HAJI HASSAN,<br>13200 KEPALA BATAS |
| Penjamin 1 | : | HAZLINA BINTI MD. SAAD - 701012075694<br>NO.A1-G-16 BLOK A1, TAMAN PAUH INDAH,<br>LORONG PAUH INDAH 3, 13500 PERMATANG PAUH |
| Penjamin 2 | : | LONG BINTI CHIN - 650518075176<br>808 PERMATANG HAJI HASSAN,<br>13200 KEPALA BATAS, |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8563 |
| Peminjam | : | YUEN WENG LUEN - 801113075413<br>BLOK G-10-7 RUMAH PANGSA ,<br>PADANG TEMBAK,, 11400 AYER ITAM |
| Penjamin 1 | : | LOOK KENG HIN - 730612075367<br>G 16-14 RIFLE RANGE FLATS, 11400 P PINANG |
| Penjamin 2 | : | TAN SIEW FOON - 740505075600<br>G 16-14 RIFLE RANGE FLATS, 11400 P PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8568 |
| Peminjam | : | TAN HOI SHAN - 760629025996<br>13 JALAN TEMPUA 13, BANDAR PUCHONG<br>JAYA, 47100 PUCHONG |
| Penjamin 1 | : | LIM SWEE AUN - 620823075175<br>2-G-06 JALAN BAGAN 21,<br>TAMAN BAGAN, 12300 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | OOI SIEW KIM - 630801075384<br>51, LORONG MESJID, BAGAN AJAM,<br>13000 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8581 |
| Peminjam | : | SEMALA A/P KOMRAVALOO - 770802076084<br>BLOK H-3-09 LORONG HELANG 1,<br>11700 SUNGAI DUA |
| Penjamin 1 | : | S. GUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM -<br>551114075505<br>354-7-4 LEBUH MACALLUM GAT FLATS,<br>10300 PULAU PINANG, |
| Penjamin 2 | : | KRISHNAN A/L RETHINASAMY - 641205075031<br>TBD 9, JLN KG BENGGALI,<br>12200 BUTTERWORTH, |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8601 |
| Peminjam | : | NURUL HISHAM BIN MOHD BASRI -<br>790410075523<br>NO. 24 JALAN CHEPOR INDAH 40,<br>CHEPOR INDAH, 31200 CHEMOR, |
| Penjamin 1 | : | MOHD BASRI B SHAFIE - 550724075785<br>24 JALAN CHEPOR INDAH 40, TAMAN CHEPOR<br>INDAH, 31200 CHEMOR, PERAK |
| Penjamin 2 | : | NORSHITA BT SHAFIE - 591104025534<br>1 LORONG PANDAN RAPAT SETIA,<br>31350 IPOH, PERAK |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8619 |
| Peminjam | : | KALAIVANI A/P JAYARAMAN - 760214075318<br>417-1-18 OG COURT CONDO, JLN AWAN JAWA,<br>TAMAN YARL, 58200 KUALA LUMPUR |
| Penjamin 1 | : | JAYAPRAKASH A/L JAYARAMAN -<br>691105075427<br>4 JLN BATAI LAUT4, TMN BUKIT CEMERLANG,<br>41300 KLANG, SELANGOR |
| Penjamin 2 | : | SIVAKUMAR A/L JAYARAMAN - 740905075183<br>5 LRG PERKASA 5, TAMAN PERKASA,<br>PMTG TENGAH, 13000 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8631 |
| Peminjam | : | AINIL HANA BT MOHAMAD - 800707075002<br>113 KAMPUNG PADANG,<br>KUALA PEGANG,09110 BALING |
| Penjamin 1 | : | MOHD ZAKI BIN OTHMAN - 540622075267<br>4 LRG MURNI 5, TMN DESA MURNI,<br>SUNGAI DUA , 13800 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | MOHD SAIFUDDIN BIN MOHD SALLEH -<br>541123025243<br>1006 MK 8, PERMATANG RAWA, 14000 BUKIT<br>MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8662 |
| Peminjam | : | SHAHRUL AMRI BIN MOHAMAD - 791130075371<br>DKT 321 JALAN TELUK BAHANG, 11050 |
| Penjamin 1 | : | MOHAMAD BIN LAMINGON - 520321015705<br>33 LORONG PERMAI 2, TMN BKT GAMBIER,<br>11700 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | AWIS KHARNI BIN NURUDDIN - 710211075739<br>3B-2-01 BUKIT JAMBUL COURT,<br>JALAN RUMBIA, 11900 P.PINANG. |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8663 |
| Peminjam | : | KHOW LIAN LIAN - 810304075138<br>NO.2268 JALAN BERJAYA, KAMPUNG BARU,<br>14000 BKT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | KHOW SWEE GUAN - 750526075115<br>2268 JLN BERJAYA, KAMPUNG BARU, 14000<br>BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH. |
| Penjamin 2 | : | KHOW SWEE HUAT - 780524075071<br>2268 JLN BERJAYA, KAMPUNG BARU,<br>14000 BUKIT MERTAJAM,<br>SEBERANG PERAI TENGAH. |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8678 |
| Peminjam | : | ONG CHEE SIN - 790425075219<br>708-A BLOK D, RUMAH PANGSA BAGAN<br>AJAM, 13000 BUTTERWORTH. |
| Penjamin 1 | : | ONG HOOI GIM - 731115075416<br>708-A BLOK D, RUMAH PANGSA, 13000 BAGAN<br>AJAM, SEBERANG PERAI UTARA. |
| Penjamin 2 | : | TAN SOO SOON - 520714075477<br>32 LORONG BAGAN LALLANG 15, TMN<br>BAGAN LALLANG ,, 13400 BUTTERWORTH. |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8704 |
| Peminjam | : | WEE SEOW FONG - 801109075365<br>692-V MOUNT ERSKINE,<br>PULAU PINANG, 10470 |
| Penjamin 1 | : | LOH AI TIN - 550409075160<br>BLOK 10-04-11 , LTG KG RAWA 2,<br>HALAMAN DAMAI, 10150 PULAU PINANG. |
| Penjamin 2 | : | CHONG AH MENG - 540615025667<br>BLOK C-2-11A RUMAH PANGSA,<br>PADANG TEMBAK, 11400 AIR ITAM,<br>PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8745 |
| Peminjam | : | MOHAMAD TASNIM B ABDUL KHALIM -<br>820303075549<br>NO.16 LENGKOK SIAKAP 5, SEBERANG JAYA,<br>13700 PERAI, |
| Penjamin 1 | : | JAMILAH BINTI HUSAIN - 660812075248<br>14 LRG BERTAM INDAH 47, TAMAN BERTAM<br>INDAH, 13200 KEPALA BATAS |
| Penjamin 2 | : | ABDUL KHALIM BIN LEBAI MOHAMAD<br>MAASOM - 490509075123<br>NO.16 LENGKOK SIAKAP 5,<br>SEBERANG JAYA, 13700 PRAI |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8751 |
| Peminjam | : | ONG HUNG LEAN - 790403075330<br>F-2-7 TAMAN SRI SETIA, , 11200 |
| Penjamin 1 | : | ONG HUNG HONG - 710519075364<br>NO.3-6-18 JALAN GANGSA, 11600 PULAU PINANG, |
| Penjamin 2 | : | ONG HUNG BEE - 690609075012<br>F-2-7 TAMAN SRI SETIA, 11200 PULAU PINANG, |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 8763 |
| Peminjam | : | FONG KEAN WAH - 790618075602<br>305-3-13 KRYSTAL VILLA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH,<br>11900 SUNGAI NIBONG |
| Penjamin 1 | : | CHOO KAM FUAT - 570417075425<br>A305-3-14 KRISTAL VILLA, JALAN, SULTAN AZLAN SHAH,<br>11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | CHAN BOON WAY - A3793590<br>NO.10 PERAK LANE, 11600 PULAU PINANG, |

• *Sambung di mukasurat 18*

# *Bosch* labur RM2.2 bilion, wujud 2,000 peluang kerja

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pencapaian Pulau Pinang sebagai jaguh pelaburan sememangnya tidak dapat disangkalkan apabila *Bosch Solar Energy (M) Sdn. Bhd.* (BSE) mengumumkan untuk melabur dan menubuhkan sebuah tapak sistem bersepadu fotovoltan berhablur (*fully integrated crystalline photovoltaic plant - PV*) di Batu Kawan, Seberang Perai Tengah di sini tahun lalu

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, pelaburan BSE yang bernilai hampir Euro 520 juta atau kira-kira RM2.2 bilion bukan sahaja suatu pelaburan yang besar, malah, turut mampu mewujudkan hampir 2,000 peluang pekerjaan apabila tapak berkenaan beroperasi sepenuhnya kelak.

"Pulau Pinang menjangkakan peningkatan lebih 30% dalam sektor pembuatan dan sektor solar bagi tahun hadapan apabila proses pembuatan bersepadu PV dilaksanakan kelak," ucapnya dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Penjualan dan Pembelian (*Sale and Purchase Agreement*) antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (*Penang Development Corporation – PDC*) dan BSE di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden merangkap Pengarah Urusan Robert Bosch Asia Tenggara, Martin Hayes; Pengarah BSE, Lars Stock; Pengarah Urusan Komersil Bosch Pulau Pinang, Michael Kloss; Pengarah Urusan Teknikal Bosch, Tan Chee Kiang; Pengarah Jualan Robert Bosch, Royce Tan; Pengerusi Eksekutif Ahli Lembaga Pengarah investPenang, Datuk Lee Kah Choon; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar dan Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian.

Selain itu, tambah beliau, sebuah data oleh *GTM Research* iaitu salah sebuah syarikat analisis pemasaran berasaskan teknologi hijau yang beroperasi di Amerika Syarikat telah menyenaraikan peratusan negara-negara yang mempunyai sektor pembuatan dan penghasilan PV iaitu, China dan Taiwan memperoleh 59% tenaga hasil sektor ini diikuti oleh benua Eropah (13%), Jepun (9%) dan Amerika Utara (5%). Manakala selebihnya, iaitu 14% terdiri daripada beberapa negara di Asia Tenggara termasuk Singapura, Filipina dan Malaysia.

Pada tahun 2010, Pertubuhan Industri Fotovoltan Malaysia (*Malaysia Photovoltaic Industry Association – MPIA*) menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara keempat utama di dunia yang menghasilkan tenaga hasil sektor PV ini.

"Menjelang 2014, saya percaya dengan pelaburan oleh BSE, Malaysia akan menjadi negara kedua utama yang menghasilkan tenaga PV selepas China".




**MARTIN Hayes (dua dari kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Rosli Jaafar (dua dari kiri) sambil diperhatikan Lee Kah Choon (kiri sekali) dan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani Perjanjian Penjualan dan Pembelian PDC dan BSE di sini baru-baru ini.**

"Malah, mampu menjadi negara utama yang menghasilkan tenaga PV menjelang 2020 sebagai suatu realiti," ujar Ketua Menteri lagi.

Menurut rekod, antara tahun 2000 sehingga tahun 2010, penghasilan tenaga melalui sektor solar ini meningkat 100 kali ganda dari 277 megawatt (Mw) ke 24,000 Mw. Malah, bagi tahun 2010, sejumlah 16,000 Mw telah disalurkan ke lebih 100 buah negara seluruh dunia, iaitu rekod terbanyak jumlah tenaga yang telah dihasilkan



**BUMBUNG *Bosch* dilengkapi dengan 2,300 modul fotovolta.**

# *Bosch* pertama pacu teknologi fotovolta utara Malaysia

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN LEPAS –** Dalam usaha menyokong pendekatan teknologi hijau khususnya di Pulau Pinang, *Robert Bosch (Malaysia) Sdn. Bhd.* yang berpusat di Zon Perindustrian Bayan Lepas mara setapak ke hadapan apabila menjadi kilang pertama di kawasan utara Malaysia dengan pemasangan sistem fotovolta terbesar di kilangnya, di sini baru-baru ini.

Presiden dan Pengarah Urusan Bosch Asia Tenggara, Martin Hayes, berkata, sebanyak RM7 juta dilaburkan bagi pemasangan sistem fotovolta tersebut yang mampu mengurangkan pelepasan 460 tan karbon dioksida ($CO_2$) setahun bersamaan dengan pelepasan asap oleh 150 buah kereta penumpang.

"Pemasangan sistem fotovolta menunjukkan keyakinan kami terhadap produk yang dihasilkan sendiri. Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri terhadap teknologi hijau sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi mapan. Kami melihat peluang yang besar dalam bidang ini untuk industri, perdagangan dan peluang pekerjaan di sini," katanya pada Majlis Perasmian Pemasangan Sistem Fotovolta Bosch di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng ketika hadir Majlis Perasmian berkata, buat kesekian kalinya, Pulau Pinang memimpin dan mendahului dari segi teknologi hijau.

"Walaupun mereka (*Bosch*) tidak mendapat faedah daripada program *Feed-in Tariff* (FIT) yang telah dilancarkan kerajaan, tetapi, usaha yang didokong oleh Bosch ke arah penghijuan bumi menunjukkan tanggungjawab ekologi yang wajar diteladani untuk generasi akan datang.

"Oleh itu, *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SEDA) wajar meningkatkan kuota bagi permohonan FIT, tidak lagi menggunakan sistem "*first come first serve*", sebaliknya, menukarkan kepada satu sistem yang sesuai untuk semua rakyat Malaysia agar membolehkan lebih banyak usaha untuk memperbaharui tenaga dihasilkan," ujarnya.

Hadir sama Timbalan Pengarah *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Afidah Mastor, Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian dan Pengurus Besar *Penang Skills Development Centre* (PSDC), Lim Wei Chen.

TINTA PENGARANG

# Pulau Pinang negeri terbuka

**SEBAGAI** sebuah negeri yang terhebat sememangnya menjadi lumrah menerima pelbagai suara mengkritik mahupun pujian. Negeri Pulau Pinang bukan sahaja menjadi Jaguh Pelaburan pada tahun 2010, malah, dilihat mampu mengekalkan status tersebut di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat.

Ini telah terbukti dengan peningkatan mendadak kemasukan pelaburan asing dan juga usahawan tempatan untuk mendapatkan tempat atau cawangan di negeri ini. Pulau yang juga berstatus antara pulau pelancongan terhebat di dunia senantiasa menjadi pilihan pelancong luar mahupun domestik. Walaupun di bawah pemerintahan kerajaan baru, Pakatan Rakyat dilihat mampu memacu negeri Pulau Pinang ke arah masa depan yang lebih mampan. Justeru, tidak hairanlah pulau ini bertambah sesak dari hari demi hari.

Kesesakan lalulintas bukanlah episod baru bagi negeri Pulau Pinang. Permasalahan ini timbul kerana mungkin rakyat negeri ini semakin murah rezeki semenjak di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat. Kemampuan dan kuasa membeli melonjak sehinggakan kenderaan melampaui angka populasi negeri ini. Maka, tidak hairan jika rungutan serta sungutan riuh kedengaran walaupun dari "orang luar" yang sekali sekala berkunjung terutama pada cuti-cuti utama di Malaysia.

Usaha bagi mengatasi telahpun dilaksanakan demi mengekang kesesakan ini oleh Pakatan Rakyat. Antaranya bas "*shuttle*" percuma ke lokasi pelancongan strategik di bahagian pulau dan juga ke kawasan perindustrian Bayan Lepas dari Seberang Jaya. Usaha ini mungkin sengaja dipejamkan demi mencari modal mengugat pemimpin Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

Kesesakan negeri ini bukan sahaja mendapat perhatian politik, malah, pihak NGO seperti CAP (Persatuan Pengguna Pulau Pinang). Melalui Presidennya, S. M. Mohamed Idris baru-baru ini ada menyentuh soal pembinaan PORR (*Penang Outer-Ring-Road*) dilihat sebagai keprihatinan beliau terhadap masalah kesesakan negeri ini. Pandangan beliau sentiasa dihormati, namun, ada "langau" UMNO yang cuba melagakan beliau dengan pemimpin Pakatan Rakyat negeri ini.

Sebagai salah seorang penduduk negeri ini dan juga pengundi, Pakatan Rakyat sering mengamalkan keterbukaan bersuara kepada rakyat kerana sebuah kerajaan adalah milik rakyat. Di atas kesungguhan serta keprihatinan ini, maka wujudlah "ruang pidato" (*Speakers Square*), sebuah lokasi pelancongan di Padang Kota yang juga menjadi tumpuan pelancong. Namun, segala usaha ini seringkali disalahertikan.

Semangat kebersamaan dalam membangunkan negeri ini haruslah difikirkan serta diusahakan secara sepakat kerana pengakhirannya bakal menguntungkan semua pihak. Bukan melagakan sesama pemimpin seperti seorang "dungu" yang berfikir.

***Putera Pulau***




PARA Pengerusi JKKK bergambar kenang-kenangan bersama Rosli Hassan (tiga dari kiri) dan Chew Eng Seng (kanan sekali) pada penganjuran Program Kampung Ku/Komuniti Ku Bersih & Hijau di Penaga di sini baru-baru ini.

# Program Kampung Ku/ Komuniti Ku Bersih & Hijau dilancar

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILL**

**PENAGA –** Dalam merealisasikan insiatif Pulau Pinang Bersih dan Hijau, *Penang Green Council Strategies Sdn. Bhd.* (PGC) dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) telah menganjurkan Projek Kampung Ku / Komuniti Ku Bersih dan Hijau di sini baru-baru ini.

Menurut pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Chew Eng Seng yang hadir memberi taklimat program berkenaan di sini, menyatakan bahawa MPSP kini giat menjalankan program-program pendidikan dalam memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan dan kelebihan Konsep 3R iaitu *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula) dan *Recycle* (Kitar Semula).

"Projek ini akan dilaksanakan di semua kawasan JKKK di seluruh Pulau Pinang secara berfasa dan berkala supaya orang awam sedar akan kepentingan 3R ini," ujar Eng Seng pada penganjuran Program Kampung Ku/Komuniti Ku Bersih & Hijau di sini baru-baru ini.

Selain Eng Seng, turut sama memberi taklimat adalah Pengerusi JKKK Alma, Bukit Minyak, Mustafa Ariffin yang turut menegaskan bahawa perubahan sikap masyarakat dalam menjaga alam sekitar amatlah dituntut. Malah, menurut beliau lagi, perubahan sikap tersebut perlu dididik melalui program-program kesedaran dan gotong-royong melibatkan kawasan setempat.

"Didikan akan mengambil masa yang panjang, tetapi, ianya (pendekatan pendidikan) perlu dalam tempoh jangka masa panjang kerana alam sekitar ini adalah pinjaman kepada manusia untuk memelihara dan memuliharanya," tambah beliau.

Dalam pada itu, pada program tersebut juga, PGC akan memastikan wujudnya pusat sumber alam sekitar bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini yang bertujuan menggalakkan orang awam mengamalkan konsep 3R selain membantu masyarakat setempat mengenali bahan buangan domestik boleh dikitar semula.

Hadir sama, Pegawai Eksekutif Program Kampung Ku/Komuniti Ku Bersih & Hijau, Rosli Hassan Pengerusi JKKK Penaga, Hussain Mat Isa; Pengerusi JKKK Pasir Gebu, Ridwan Osman dan Pengerusi JKKK Permatang Janggus, Abdullah Talib.

# *Penang International Hiking Challenge* pada 22 April

D'nonce PENANG INTERNATIONAL HIKING CHALLENGE




**LYDIA Ong Kok Fooi (tengah, depan) bergambar bersama barisan penaja *Penang International Hiking Challenge* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** *D'nonce Technology Bhd*. dan *Penang Adventurer's Club* mensasarkan peserta seawal usia lapan tahun dalam penyertaan acara *Penang International Hiking Challenge* yang bakal berlangsung pada 22 April ini bertempat di Taman Perbandaran Pulau Pinang.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, acara tersebut adalah hasil sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

"Penganjuran acara ini terbuka kepada semua warga Pulau Pinang mahupun peserta antarabangsa agar sama-sama mengamalkan gaya hidup sihat.

"Harapan kita agar dapat memperluaskan jaringan pejalan kaki terutamanya di negeri ini sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya pada majlis sidang akhbar bersama barisan penganjur di sini baru-baru ini.

Tambahnya, para peserta akan 'dilepaskan' dari Taman Perbandaran seawal 7 pagi dan dijangka menamatkan pertandingan tiga jam kemudian. Jarak pejalan kaki terdiri daripada dua kategori iaitu 3.5km bagi *Fun Hike* yang akan melibatkan kanak-kanak di bawah usia 13 tahun. Manakala, bagi kategori *Competitive Hike* dengan jarak perjalanan 9.5 km melibatkan peserta seawal usia 13 tahun sehingga 49 tahun.

"Penganjuran acara ini juga turut mendapat tajaan daripada *Brooks, Penang Port* Sdn. Bhd., *Zaid Ibrahim & Co., Public Bank* dan Maybank," jelas beliau.

Maklumat lanjut layari, www.dpihc.com.

# Majlis ulangtahun PBA meriah



**Ooi Khoon Yong (kanan sekali) dan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (kiri sekali) bergambar kenang-kenangan bersama dua penerima anugerah khas pada Majlis Makan Malam Ulangtahun PBA Ke-82 di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Sambutan Ulangtahun Persatuan Bola Keranjang Negeri Pulau Pinang atau *Penang Basketball Association* (PBA) Ke-82 buat julung kalinya dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Menurut Presiden PBA, Ooi Khoon Yeong, dalam tempoh 16 tahun menjawat jawatan tersebut, beliau amat tersentuh dengan inisiatif khas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang sanggup hadir pada majlis berkenaan.

"Sejak saya menjadi Presiden PBA, ini adalah kali pertama kami (PBA) menerima kehadiran seorang Ketua Menteri," katanya dalam ucapan beliau bersempena Majlis Makan Malam Ulangtahun PBA Ke-82 di sini baru-baru ini.

Sambutan ulangtahun tersebut diadakan bagi mengumpul dana dan mengeratkan hubungan sesama ahlinya. Malah, dua biji bola keranjang yang ditandatangani Ketua Menteri turut dibida. Bidaan pertama oleh Khoon Yeong berjumlah RM12,000 manakala bagi bidaan kedua pula mencecah RM16,000.

Pada masa sama, *Penang Youth and Sports Development Committee* turut menyampaikan sumbangan tajaan berjumlah RM20,000 dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (RM5,000) kepada PBA.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa sebagai salah sebuah negeri yang berhasrat untuk menjadi negeri yang bertaraf global, aktiviti berkaitan sukan dan kecerdasan amatlah penting dalam memastikan keseimbangan pembangunan insan.

# Urut tradisional Warisan Pak Yusoff peroleh pengiktirafan saintifik



**MUHAMAD Nor Yusoff.**



**MUHAMAD Nor Yusoff menunjukkan sendi pada lengan salah seorang pesakit.**

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**WAKTU RAWATAN**

Hari biasa **: 3 petang – 7.15 petang**
Ahad **: 10 pagi – 7.15 petang**
Isnin & Jumaat **: Cuti.**

**MAKLUMAT LANJUT**

**Muhamad Nor (012 – 445 8219) ;**
**Wan (019 – 403 1992) ;**
**Lan (012 – 527 1298) ;**
**Liza (013 – 475 4460).**

**ISTIMEWANYA** tukang urut di Jalan Imam Haji Harun. Mukim E, Titi Teras, Balik Pulau adalah beliau tidak pernah meletakkan caj upah bagi setiap rawatan yang dirawatinya.

Sebaliknya, di atas komitmen beliau untuk menyembuh dan membantu para pesakit, upah rawatan yang dikenakan adalah terpulang kepada keikhlasan inidividu (pesakit) itu sendiri.

Malah, untuk tiba ke kediamannya yang terletak di hujung jalan kampung juga tidak dilengkapi dengan sebarang tanda arah. Namun, disebabkan 'populariti' dan keberkesanan rawatannya yang menjadi buah mulut orang ramai menjadikan perjalanan untuk ke kediamannya amat mudah sekali.

"Saya tiada niat untuk buat perniagaan. Sekadar untuk membantu, sebab saya kesian tengok orang sakit terutamanya apabila bertandang ke hospital. Saya memang terasa nak bantu. Memang saya tak pernah letak harga rawatan. Terpulang kepada orang (pesakit) nak bagi," kata pengamal rawatan tradisional urut dan membetulkan tulang, Muhamad Nor Yusoff, 41 kepada Buletin Mutiara (BM) ketika ditemui di kediamannya di sini baru-baru ini.

Kebetulan ketika sesi temubual diadakan, Muhamad Nor baru selesai merawat pesakit dari Kuala Kangsar, Perak yang patah tulang kaki. Justeru, beliau mempunyai masa untuk menjawab persoalan-persoalan diutarakan BM.

Anak sulung daripada lima beradik itu memberitahu bahawa beliau juga tidak menjual produk ubat-ubatan seperti minyak urut, minyak panas dan ubat makan yang diperbuat daripada herba olehnya sendiri walaupun terdapat permintaan daripada banyak pihak.

"Memang banyak pihak termasuk doktor perubatan dan pihak farmasi minta ubat-ubat saya dipasarkan, namun, saya takut ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil sampel yang ada dan jual yang palsu iaitu dengan campuran bahan-bahan lain bagi mengaut keuntungan,'' jelas beliau.

Tidak dinafikan, selain ilmu selama 30 tahun yang dituntut daripada Allahyarham bapanya yang lebih dikenali sebagai Pak Yusoff, Muhamad Nor turut menyatakan bahawa 'anugerah' pada dirinya adalah diperoleh daripada mimpi iaitu ketika beliau mula berjinak-jinak di dalam bidang tersebut pada tahun 1970-an.

Ketika ditanya mengenai pantang larang sebagai seorang tukang urut, Muhamad Nor hanya tersenyum sambil menyatakan bahawa hanya orang sakit yang perlu berpantang. Antara makanan yang perlu dielakkan sekiranya seseorang mengalami patah tulang adalah ayam (menghalang pertumbuhan isi), daging dan ais (menyebabkan bengkak).

Bercerita mengenai pengalaman rawatan yang tidak dapat dilupakan, Muhamad Nor menyatakan bahawa kejadian tersebut berlaku sekitar tahun 2003 dan 2004.

"Pesakit tersebut terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ekoran kecederaan itu, beliau telah mengalami kecederaan pada bahagian betis dengan luka sedalam 5 inci dan nampak tulang. Akibat kecederaan teruk, doktor lazimnya telah menyarankan untuk memotong kaki beliau, namun, pesakit tersebut mencari alternatif lain dengan merujuk kepada saya," ujarnya yang sebelum ini pernah bekerja di kilang membuat sarung tangan dan perkapalan di sini.



**ANTARA herba yang digunakan untuk dijadikan ubat-ubatan pesakit.**

Selain dirinya, Muhamad Nor turut dibantu isteri (untuk pesakit wanita) serta beberapa sanak saudara (keseluruhan tujuh pembantu) yang turut berminat di dalam bidang berkenaan. Ini bermakna, seseorang pesakit tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Tidak dinafikan bahawa masih terdapat sesetengah pihak yang masih meragui keberkesanan perubatan tradisional diamalkan Muhamad Nor. Namun, apa yang memberangsangkan adalah praktiknya turut memperoleh pengiktirafan daripada pelajar-pelajar perubatan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam dan luar negara yang turut mengadakan lawatan sambil belajar ke kediamannya dari semasa ke semasa.



**MUHAMAD Nor Yusoff sedang mengurut betis seorang pesakit yang cedera pada pergelangan kaki ekoran terlibat dalam kejadian kemalangan.**

# Pelan Induk Lalulintas Pulau Pinang tekad selesai masalah kesesakan jangka panjang

**SEBAGAI** pelan jangka panjang dalam mencari penyelesaian masalah kesesakan lalulintas di negeri ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama perunding lalulintas terkenal dunia kini dalam proses merangka satu pelan kajian, Pelan Induk Lalulintas Pulau Pinang atau *Penang Transport Master Plan*. Kajian yang dijalankan dalam tempoh 13 bulan (April 2011 – Mei 2012) tersebut adalah membabitkan cadangan pelebaran jalan, penggunaan pengangkutan awam seperti bas (termasuk mewujudkan hub-hub bas yang baru), pembinaan/penggunaan transit aliran ringan (LRT), monorail, Bas Rapit Transit (BRT), menjadikan jalan dua hala kepada satu hala dan lain-lain.

Dengan jadual kerja yang ketat, Buletin Mutiara (BM) berasa amat berterima kasih dengan peluang yang diberikan untuk menyelami secara lebih mendalam pelan berkenaan. Ikuti temubual wartawan BM, **ZULIANA AZIZ** dan **YEW SHU THENG** serta jurugambar, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** bersama Pengarah *Halcrow Consulting Inc*., Dave Turner. Turut serta, Pemangku Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Rajendran di Komtar, di sini baru-baru ini.



DAVE Turner menjelaskan pelan kajian sambil diperhatikan A.Rajendran ketika sesi wawancara bersama BM di sini baru-baru ini.

**BM : Boleh En. Turner terangkan apakah strategi-strategi yang termaktub di dalam Pelan Induk Lalulintas Pulau Pinang.**

**TURNER :** Sebenarnya, pelan induk lalulintas ini meliputi seluruh Pulau Pinang iaitu bahagian pulau dan Seberang Perai. Kita sedang mengkaji unsur-unsur yang mungkin boleh digunapakai khusus untuk memperbaiki strategi pengangkutan jalan di negeri ini. Skop pelan induk ini sangat luas, termasuk membaikpulih dan menambah jalan-jalan sedia ada di Pulau Pinang.

Contoh cadangan yang dikemukakan dalam kajian berkenaan adalah menambah laluan utara-selatan yang baru di Seberang Perai, Lebuhraya Lingkaran Pulau Pinang (*Penang Bypass Highway*), laluan berkembar ke Batu Feringhi dan sebagainya.

Di samping itu, terdapat juga cadangan perancangan (untuk pertimbangan lanjut) bagi menambahbaik sistem pengangkutan awam termasuk memperkenalkan instratruktur pengangkutan awam yang baru seperti monorail, LRT dan MRT.


A.Rajendran

**BM : Apakah yang dimaksudkan oleh En. Turner dengan menambahbaik sistem pengangkutan awam. Apakah impak yang bakal diterima oleh pengguna jalan raya di Pulau Pinang.**

**TURNER :** Dengan penambahbaikan yang bakal dilakukan, orang ramai digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam berbanding menaiki kenderaan sendiri. Hal ini sekaligus boleh mengurangkan masalah kesesakan jalan raya terutama di kawasan pulau yang semakin meruncing sejak 10 tahun lalu.

Pengangkutan awam sebenarnya lebih mudah, cepat dan selesa jika orang awam menyokong dan selalu menggunakan perkhidmatan yang disediakan sekaligus dapat mengurangkan kenderaan persendirian di jalan raya.

Namun, untuk menjayakan cadangan tersebut, cara pemikiran kita perlu diubah dengan sentiasa berfikir secara positif. Setakat ini, peratus pengguna pengangkutan awam di Pulau Pinang adalah amat rendah iaitu di bawah 10 peratus berbanding dengan tahap peratusan penggunaan ideal iaitu 40 peratus.

**BM : Adakah cadangan ini yang pertama di Malaysia. Sebelum ini, negara manakah yang telah melaksanakan rancangan yang sama.**

**TURNER :** Jika di Pulau Pinang, ianya adalah yang pertama di Malaysia yang dikaji secara menyeluruh. Kuala Lumpur juga mempunyai sistem yang sama tetapi berbeza dari segi pengangkutan awam, di mana ia telahpun diimplementasikan dengan mewujudkan monorail dan LRT.

Sebelum ini, rancangan yang seakan-akan sama telahpun dijalankan di negara-negara luar seperti Kanada, Selatan Asia, Sri Lanka, Colombia, Australia dan banyak lagi. Setiap negara mempunyai populasi yang berbeza. Ada negara besar, ada negara yang kecil populasinya. Oleh itu, pelan lalulintas juga berbeza-beza mengikut kesesuaian negara masing-masing.

**BM : Setakat ini, adakah inisiatif lain telah diambil untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di Pulau Pinang. Adakah betul apa yang didakwa sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri tidak melakukan sebarang pelan/ inisiatif untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di negeri ini.**

**RAJENDRAN :** Adalah tidak adil jika menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak lakukan atau mengusahakan sebarang insiatif untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di negeri ini. Banyak yang telah kita buat, malah, dalam tempoh secepat mungkin dan juga menggunakan peruntukan sendiri (peruntukan Kerajaan Negeri).

Sekiranya diteliti, Pulau Pinang lazimnya tiada rangkaian lebuhraya sendiri. Memang kita (Pulau Pinang) ada Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, namun, sekiranya dikaji, negeri atau negara manakah yang lebuhrayanya dilengkapi dengan lampu isyarat.

Justeru, adalah amat sedih sekiranya terdapat pihak yang melemparkan dakwaan sedemikian.


DAVE Turner.

# Temuduga isi 495 kekosongan TPS

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 285 pemohon bagi mengisi kekosongan gerai Tapak Penjaja Sementara (TPS) di seluruh kawasan pulau telah membanjiri Bahagian Perlesenan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) seawal pukul 8 pagi bagi sesi temuduga yang diatur sebelum ini di sini.

Sesi temuduga bersama 12 Ahli Majlis MPPP antaranya membabitkan 14 buah kompleks, 11 pasar dan 13 tapak penjaja sementara.

Menurut Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong, pada tahun 2011, hanya lapan sesi temuduga dijalankan bagi proses saringan mengisi tapak penjaja yang kosong. Namun, tahun ini (2012), pihak Majlis bercadang melaksanakannya pada setiap bulan tertakluk kepada jumlah kekosongan yang ada.

Tambah beliau, proses temuduga dan pemilihan dijalankan berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

"Kita tidak mahu melengahkan masa, maka, pada hari tersebut juga, selepas proses temuduga selesai, kita (ahli-ahli majlis) duduk berbincang dan memilih pemohon yang layak berdasarkan kriteria-kriteria telah ditetapkan. Malah, surat juga telah dihantar kepada pemohon berjaya.



**SESI temuduga sedang dijalankan oleh Ahli Majlis, Ramlah Bee Asiahoo (duduk kanan) dan L. Prem Anand (duduk,dua dari kiri) bersama pemohon yang hadir di Bahagian Perlesenan MPPP, di sini baru-baru ini.**

"Lanjutan itu, mereka yang berjaya juga telah dipanggil untuk proses cabutan undi. Ianya telah dijalankan di sini baru-baru ini pada 8 dan 9 Mac agar tiada pertikaian yang wujud dan lebih bersifat adil kepada semua,'' katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sementara itu, ujar Ah Teong, kepada pemohon yang gagal, mereka masih boleh memohon semula pada proses temuduga akan datang pada 29 March 2012.

"Tiada sebarang keistimewaan diberikan kepada mereka yang telah menghadiri temuduga tetapi gagal. Sebaliknya, mereka harus melalui semula proses temuduga sehingga berjaya," katanya.

# Pemilik rumah bersemak masih hutang MPSP RM44 ribu

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** *'Task Force'* Semak Samun yang ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini telah ditukar dengan cara yang lebih berkesan iaitu bukan sahaja mengendali masalah semak samun, malah, turut merangkumi penggredan kawalan makanan dan kawalan vektor serta serangga.

Menurut Pengerusi *'Task Force'* Semak Samun, Soon Lip Chee, skop pasukan bertindak berkenaan ditukar kepada skop lebih meluas bagi mengatasi masalah semak samun yang kian berleluasa terutama di kawasan-kawasan perumahan.

"Walaupun kompaun telah dinaikkan, namun, masalah dilihat semakin meruncing ekoran pemilik premis memandang remeh perkara berkenaan. Didapati, ramai pemilik yang memiliki lebih dari satu unit rumah mengabaikan aspek kebersihan," ujar Lip Chee kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kata Lip Chee, faktor tersebut merupakan penyebab utama semak samun mengelilingi kawasan perumahan sekaligus menimbulkan rasa khuatir dalam kalangan jiran tetangga.

"Ekoran itut, pihak MPSP akan membuat pemeriksaan mengejut di kawasan perumahan termasuk tanah kosong. Jika didapati pemilik gagal menjaga kebersihan kediaman, notis akan dikeluarkan yang mengarahkan supaya pemilik membersihkan kediaman dalam masa tiga atau tujuh hari.

"Selepas itu, jika pemilik masih gagal untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan, pihak MPSP berhak untuk memasuki kediaman untuk membersihkan semak samun, manakala, kos pembersihan akan ditanggung oleh pemilik kediaman,'' tegasnya.

Ujarnya lagi, jika didapati pemilik masih enggan untuk membayar kos pembersihan, pihak MPSP tidak akan teragak-agak untuk membawa kes berkenaan ke mahkamah MPSP untuk dibicarakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

"Sehingga kini, kira-kira RM44,000 jumlah kos pembersihan dan kompaun yang masih belum dijelaskan oleh pemilik-pemilik kediaman di sini. Kami memohon kerjasama semua pihak supaya bersama-sama menjaga kebersihan kediaman masing-masing bagi mengurangkan masalah pencemaran yang semakin berleluasa kini," tambah Lip Chee.



**PEGAWAI MPSP sedang membersihkan kawasan perumahan yang dipenuhi semak samun di sini baru-baru ini.**

# Kerja ubahsuai premis, rumah perlu lekat Pelekat Pemberitahuan MPSP

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** Satu cadangan baru berkenaan Pelekat Pemberitahuan dan Peringatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menyampaikan maklumat kepada pemilik premis baru serta mengurangkan binaan tanpa kebenaran telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit mulai awal tahun ini di sini.

Tujuan pelekat tersebut diwujudkan adalah bagi menyampaikan maklumat kepada pemilik dan isi rumah supaya berhubung dengan MPSP terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang pengubahsuaian pada premis, sekaligus, mengurangkan pertumbuhan kerenah birokrasi serta mencegah binaan tanpa kebenaran daripada terus berleluasa.

Binaan tanpa kebenaran merupakan salah satu isu utama Jabatan Bangunan MPSP di mana perkara ini menyumbang ke arah peningkatan mendadak aduan yang agak sukar diselesaikan.

Antara punca utama mengapa binaan tanpa kebenaran berleluasa adalah ekoran pemilik premis kurang pengetahuan keperluan untuk mendapat kelulusan, sekaligus, menangkis persepsi salah mengenai lambat serta sukar untuk mendapat kelulusan.

Terdapat juga kes di mana pemilik premis tidak tahu ke mana dan dengan siapa perlu berurusan untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Di samping itu, ada juga maklumat salah yang disampaikan oleh pihak ketiga atau kontraktor binaan kepada pemilik premis.




CONTOH Pelekat Pemberitahuan MPSP.



**SOON Lip Chee (kiri sekali) bersama Ahli Majlis MPSP, Ahmad Farid (tengah) menunjukkan salah satu contoh pelekat yang dilekatkan di pintu hadapan sebuah rumah di Seberang Perai.**

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, sehingga kini, terdapat 1,575 kes binaan tanpa kebenaran dilaporkan di daerah Seberang Perai.

"MPSP sentiasa menyuarakan agar sesiapa yang membeli rumah atau kedai, perlu memasuki plan bangunan jika mahu membuat sebarang pengubahsuaian. Kemudian, Jabatan Bangunan MPSP akan memproses permohonan tersebut sama ada diluluskan ataupun tidak," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, banyak aduan diterima daripada jiran-jiran bahawa berlakunya pengubahsuaian yang tidak mengikut pelan, binaan melampau, menghalang jalan dan sebagainya.

"Oleh itu, pada bulan Disember 2011, pihak MPSP telah membuat keputusan untuk menguatkuasakan pelekat pemberitahuan yang perlu dibeli oleh setiap pemaju perumahan, perindustrian atau perniagaan untuk ditampal di pintu masuk setiap premis baru.

"Pelekat perlu dibeli mengikut unit premis yang didirikan. Jika terdapat 300 unit premis, maka perlu membeli 300 pelekat dengan harga RM5 setiap satu serta bayaran ditanggung sepenuhnya oleh pemaju," tambah Lip Chee lagi.

Jika didapati pemaju gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan, maka, denda sehingga 10 kali ganda di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) boleh dikenakan.

"Tujuan kita (MPSP) mengadakan undang-undang baru ini bukan untuk membebankan pemaju, sebaliknya, mendidik mereka supaya mendapat maklumat yang lebih jelas di samping menjaga kepentingan warga Seberang Perai," tambah beliau lagi.

# Lesen pasar tani di Taman Negara dilulus

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam telah meluluskan permohonan lesen baru yang diusulkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menganjurkan Pasar Tani di Dataran Taman Negara, Teluk Bahang.

Pasar Tani tersebut dijadual bakal berlangsung pada hari Sabtu atau Ahad setiap minggu mulai jam 7 pagi sehingga 2 petang. Sebanyak 15 tapak telah disediakan dengan bayaran sebanyak RM80 sebulan akan dikenakan kepada pihak FAMA.

Namun, pihak FAMA perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan mematuhi syarat-syarat di bawah Garis Panduan Untuk Mengurus Dan Mengawal Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani (pindaan Mac 2010).

Pengerusi Gantian Tetap Kesihatan Awam, Ong Ah Teong berkata, cadangan berkenaan diluluskan memandangkan ianya dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Di samping itu, dataran tersebut sememangnya menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

"Pasar Tani tersebut hanya dibenarkan menjalankan aktiviti jualan makanan ringan (tanpa masak) dan produk industri kecil dan sederhana sahaja. Kawalan trafik juga perlu disediakan oleh pihak penganjur untuk memastikan tiada kesesakan lalulintas.

"Manakala, segala struktur perlu dipindahkan daripada tapak dan memastikan kebersihan di tapak semasa dan selepas aktiviti pasar tani dijalankan," ujarnya.

# Bola sepak tujuh sebelah pamer bakat anak muda Balik Pulau

**Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Pertandingan Bola Sepak Tujuh Sebelah yang diadakan di Padang FC Pulau Betong baru-baru ini mendapat sambutan amat menggalakkan terutamanya daripada anak-anak muda tempatan.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, sebanyak 10 pasukan telah bersaing dalam merebut Piala Pusingan Tuan Haji Zulkiflee Md. Lazim pada 26 Februari lalu.

"Tujuan kita mengadakan pertandingan ini bukan semata-mata nak mengumpul anak-anak muda di Pulau Betong, tetapi juga untuk menggalakkan mereka aktif bersukan dan menjalani gaya hidup sihat yang sememangnya menjadi keutamaan saya sebagai PPK di sini".

"Dengan adanya pertandingan sebegini, hubungan antara kepimpinan negeri dan pemuda dapat dirapatkan," tambah beliau yang turut berhasrat menjadikan aktiviti sukan bola sepak ini sebagai aktiviti mingguan yang bukan sahaja mampu mengetengahkan pemain sedia ada, malah, juga mampu mencungkil minat bakat-bakat baru.

Dalam pada itu, pasukan Barcalona PB telah berjaya meraih juara dengan membawa pulang wang tunai RM400, medal berserta piala pusingan. Manakala, pasukan Liverpool PB dan Arsenal PB masing-masing merangkul naib johan dan tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai bernilai RM300 dan RM200 berserta medal masing-masing. Pasukan Harimau Muda PB pula memenangi hadiah saguhati bernilai RM100.

Hadiah telah disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan PAS Pulau Pinang, Zulkiflee Md. Lazim dan Pegawai Penyelaras Parlimen Balik Pulau, Jaafar Masha.



**PARA pemenang Pertandingan Bola Sepak Tujuh Sebelah bergambar kenang-kenangan bersama Mohd. Tuah Ismail (berdiri, lapan dari kiri), Zulkiflee Md. Lazim (berdiri, enam dari kiri) dan Jaafar Mashal (berdiri, lima dari kiri) di Padang FC, Balik Pulau di sini baru-baru ini**



**R.S.N. RAYER (berdiri, tengah) menyampaikan sumbangan berupakan cek bernilai RM300 kepada Suriana Azman (kiri sekali) bagi meringankan beban suami serta keluarganya di sini baru-baru ini.**

# Bantu ringan beban ibu dua anak

**SERI DELIMA –** Bagi ibu kepada dua cahaya mata, Suriana Azman, 32, beliau pasti tidak menduga kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer ke kediamannya di Taman Tun Sardon baru-baru ini membawa perkhabaran gembira.

Kunjungan Rayer bukan sahaja untuk bertanya khabar suaminya yang terlantar koma, malah, turut menghulurkan bantuan sumbangan kerusi roda dan barangan keperluan asas berupa beras, susu, gula dan beberapa barangan lain.

Pada masa sama, Rayer turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM300 kepada Suriana yang bekerja sebagai pembantu maklmal di salah sebuah sekolah di sini bagi meringankan bebanan ditanggungnya.

"Sudah menjadi pegangan saya untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat, tanpa mengira latar belakang politik dan ras".

"Malah, masalah yang dihadapi rakyat, menjadi keutamaan bagi memastikan masyarakat awam khasnya di kawasan Seri Delima menikmati keselesaan hidup," ujar Rayer yang sering mendekati masyarakat setempat dengan mengadakan lawatan ke pasar malam, pasar hari dan kediaman sekitar kawasan Seri Delima.

Tambah beliau lagi, bagi memastikan masyarakat setempat hidup dengan selesa dan sihat, beliau giat mendapatkan bantuan secara holistik bagi jangka masa panjang daripada agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Sebarang bentuk bantuan adalah dialu-alukan bagi memastikan golongan kurang berkemampuan dan memerlukan dapat dibantu," ujar beliau yang turut menegaskan bahawa seorang wakil rakyat perlu bergerak secara aktif dalam memastikan penduduk di kawasan diwakili dapat menikmati kehidupan yang selesa dan terjamin.

Bagi individu atau pihak yang ingin menyumbang, boleh hubungi beliau di talian 04 – 659 5611 atau 012 - 486 2552 atau emel, rsnrayer@gmail.com.



# Pelajar perlu bantuan rawatan RM35,000

**MOHD. Fahmi Abdul Wahab ketika melawat Nur Liyana Zulkifli di kediaman mereka di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI DUA –** Nasib yang menimpa pelajar, Nur Liyana Zulkifli, 15, yang baru selesai menjalani pembedahan ekoran penyakit '*plexiform neurofibromatosis*' (sejenis penyakit *von Recklinghausen*) yang dihidapinya memperoleh perhatian khas Pegawai Penyelaras Kawasan (PPK) Dewan Undangan Negeri Sungai Dua di sini baru-baru ini.

PPK, Mohd. Fahmi Abdul Wahab yang mengadakan lawatan khas ke kediaman Nur Liyana berasa amat simpati dengan nasib pelajar tingkatan tiga berkenaan dan juga keluarganya yang tidak mampu menampung kos pembedahan berjumlah RM35,000.

Menurut bapa Nur Liyana, Zulkifli M.S. Ismail, beliau dan keluarga lazimnya bersyukur dengan kejayaan pembedahan yang dijalankan di sebuah pusat perubatan di Kuala Lumpur tersebut.

"Alhamdulillah, pembedahan tersebut berjaya, walaupun bukan 100% ketumbuhan tersebut dibuang. Selepas ini, dia (Nur Liyana) masih perlu buat rawatan susulan.

"Ekoran pendapatan saya yang sederhana, kami sekeluarga tidak mampu menanggung keseluruhan kos rawatan tersebut," ujar Zulkifli di sini baru-baru ini.

Bagi yang ingin menghulurkan sumbangan atau bantuan kepada adik Nur Liyana, bolehlah hubungi Mohd. Fahmi di talian 019-477 6740 bagi maklumat lanjut.

# Batu Maung bersedia hadapi banjir

**BATU MAUNG –** Dek kerana pembangunan pesat yang berlaku di sekitar kawasan Batu Maung, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim kini giat menyusun inisiatif bagi menghadapi musim hujan.

Menurut Abdul Malik, kawasan Batu Maung bukan sahaja terdedah kepada banjir kilat, malah, turut terdedah kepada bencana banjir yang lebih besar seandainya tiada langkah-langkah proaktif dan pencegahan diambil.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) telah memperkenalkan program *ArcMap* yang akan memantau kawasan '*black spots*' atau kawasan berkemungkinan dilanda banjir".

"Umumnya, program ini turut memantau kawasan pengelodakan dan kawasan yang mempunyai sistem aliran dan saliran lemah," ujar beliau dalam sidang akhbar yang diadakan di pejabat beliau di Komtar baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, sistem saliran yang baik adalah penting bagi memastikan aliran air lancar dan tidak tersumbat. Sekiranya sistem saliran ini tidak dipantau, kemungkinan bencana banjir yang lebih dahsyat akan melanda kawasan tersebut.

Abdul Malik yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam pada itu, mempengerusikan mesyuarat khas yang diadakan bersama wakil-wakil jabatan kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan wakil-wakil pemaju perumahan bagi membincangkan alternatif serta inisiatif terbaik dalam menghadapi musim banjir.

"Dalam mesyuarat itu, kita mengambil kira beberapa faktor antaranya kawasan yang sering dilanda banjir sejak tiga tahun lalu dan kawasan memerlukan sistem peparitan terutamanya di kawasan yang sedang pesat dengan projek-projek perumahan," tambah beliau.



**ABDUL Malik Abul Kassim.**



**MOHD. Kamil Abu Bakar (berdiri, dua dari kiri) mengadakan lawatan khas ke kediaman sepasang suami isteri warga emas di Jalan Sempadan di sini baru-baru ini.**

# Demi rakyat, PPK sedia berkhidmat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI ACHEH –** Demi rakyat, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar tidak betah duduk berpeluk tubuh, sebaliknya, memastikan waktu beliau bersama rakyat dimanfaatkan sepenuhnya.

Terbaru, beliau mengadakan lawatan ke jeti nelayan di Sungai Udang di sini bagi mendekati para nelayan sekaligus menyelami masalah yang dihadapi mereka.

"Sebagai wakil yang diberi mandat oleh rakyat, tanggungjawab harus dilaksanakan sebaik mungkin," ujar beliau yang juga acapkali meluangkan masa bersama masyarakat setempat di warung-warung sekitar Sungai Acheh bagi mendekati penduduk setempat.

Selain itu, beliau turut meluangkan masa melawat sepasang suami isteri warga emas yang terlantar di Jalan Sempadan di sini. Selain bertanyakan khabar, beliau turut menyampaikan sumbangan dan bantuan kepada pasangan tersebut.

Turut memperoleh perhatian beliau adalah permasalahan lampu jalan di Batu 4, Jalan Sempadan.

"InsyaAllah, demi rakyat saya akan terus berkhidmat," ujar Mohd. Kamil atau lebih mesra dengan panggilan Haji Wanday.

Sebarang permasalahan atau pertanyaan, boleh menghubungi beliau di talian 012 - 473 5774 atau emel beliau di myislamjhd@yahoo.com.

# Hujan tidak luntur semangat bersukan

**PULAU BETONG –** Hari hujan tidak menghalang penduduk sekitar Balik Pulau untuk terlibat secara langsung dalam penganjuran Program Hari Mesra Kampungku bersama Penduduk Kampung Terang dan Kampung Genting, di sini baru-baru ini.

Selain acara mewarna, program anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Terang, JKKK Kampung Genting dan Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pulau Betong turut memperlihatkan aktiviti-aktiviti sukan rakyat tradisional.

Antanya adalah pertandingan gubahan bunga, anyaman kreatif, boling kelapa dan pameran agensi-agensi kerajaan.

Turut diadakan adalah majlis penyampaian sumbangan kepada keluarga dan individu yang kurang berkemampuan serta memerlukan. Antaranya sumbangan kerusi roda, basikal dan hamper barangan keperluan harian.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff dan Pengerusi JKKK Kampung Terang dan Kampung Genting.



**ACARA boling kelapa merupakan acara sukaneka tradisi yang mendapat sambutan menggalakkan pada penganjuran Program Hari Mesra Kampungku Bersama Penduduk Kampung Terang dan Kampung Genting di sini baru-baru ini.**

# RM100 setiap tahun

Warga Emas

OKU

Ibu Tunggal

Pelajar*

*Tahun 1&4,Tingkatan 1&4

+

## "One-Off"

**RM1,000**
Urusan Jenazah

**RM1,000**
IPTA

**RM200**
Anak Emas

=